**BULETIN APRIL 2025**
***APRIL 2025 NEWSLETTER***

WWW.APPGM-SDG.COM

# APPGM-SDG

**MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN**

























# ISI KANDUNGAN | *Table of Content*

## SOROTAN | *HIGHLIGHT*


M/S 3

**Lawatan ke Projek-Projek Komuniti bersama Peserta Asia-Pacific Business Forum**

*Visit to Community Projects managed by participants of the Asia-Pacific Business Forum*

M/S 4

**Bengkel Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan**

*The Local Coordinators Capacity Building Workshop*

M/S 5

**Majlis Makan Tengahari Bersama Media**

*Media Luncheon with Media Partners*

M/S 6

**Mesyuarat bersama Unit Pantau MADANI, MOF**

*Meeting With The MADANI Monitoring Unit, MOF*

M/S 7

**Lawatan Pemetaan Isu (April)**

*Issue Mapping Visit (April)*


## AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH| *ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS*


M/S 10

**ZON UTARA**
*Northen Zone*

M/S 18

**ZON TENGAH**
*Central Zone*

M/S 21

**ZON PANTAI TIMUR**
*East Coast Zone*

M/S 25

**ZON SELATAN**
*Southern Zone*

M/S 31

**WILAYAH SARAWAK**
*Sarawak Region*

M/S 36

**WILAYAH SABAH**
*Sabah Region*


## PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | *MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS*


- **PUSAT MYSDG UNTUK RANGKUMAN SOSIAL** | *MYSDG CSI M/S 44*
- **PUSAT MYSDG UNTUK ALAM SEKITAR DAN KEMAMPANAN**| *MYSDG CES M/S 46*
- **AKADEMI MYSDG & KOMUNIKASI KORPORAT**| *MYSDG ACADEMY & COMMS M/S 48*
- **JABATAN PENYELARASAN PARLIMEN** | CONSTITUENCY COORDINATION *M/S 56*
- **JABATAN PENGURUSAN PROGRAM** | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT *M/S 59*
- **JABATAN SOLUSI DASAR** | *POLICY SOLUTION DEPARTMENT M/S 63*
- **JABATAN ADVOKASI DASAR** | *POLICY ADVOCACY DEPARTMENT M/S 65*
- **PENGURUSAN PEJABAT** | *OFFICE MANAGEMENT M/S 66*


## *SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT* | *PARTNERSHIP FOR THE GOALS*


- **PROGRAM AKAN DATANG** | *UPCOMING PROGRAMME M/S 73*




**11.4.2025**

## Lawatan ke Projek-Projek Komuniti Bawah Kendalian APPGM-SDG bersama Rakan Solusi oleh Para Peserta Asia-Pacific Business Forum

*Visit to Community Projects managed by APPGM-SDG together with Solution Partners by participants of the Asia-Pacific Business Forum*

Para peserta delegasi yang menghadiri Asia-Pacific Business Forum anjuran KSI pada 10 April 2025 yang lalu telah melawat projek-projek dibawah APPGM-SDG. Datuk Dr. Denison telah berkongsi gerak kerja dan pendekatan APPGM-SDG bersama delegasi dari Asia-Pacific Business Forum. Sesi ini membuka ruang untuk memperkenalkan inisiatif penyetempatan SDG Malaysia dan menggalakkan kerjasama rentas negara dalam pembangunan mampan. Antara yang hadir termasuk wakil dari UNESCAP, Google, En+ Group, RiverRecycle Oy, Trinasolar Asia, dan agensi kerajaan dari India dan China. Kehadiran mereka memberi ruang untuk memahami lebih dekat inisiatif komuniti berimpak yang dilaksanakan di lapangan.

*A group of delegates who attended the Asia-Pacific Business Forum organised by KSI on 10 April 2025 visited our project sites the following day. Datuk Dr. Denison and the secretariat of APPGM-SDG shared our initiatives and strategies with delegates from across Asia and the Pacific at the Asia-Pacific Business Forum. The session provided a valuable platform to showcase Malaysia's SDG localisation efforts and explore opportunities for regional collaboration. Participants included representatives from UNESCAP, Google, En+ Group, RiverRecycle Oy, Trinasolar Asia, and government bodies from India and China. The visit offered them a closer look at impactful community-driven initiatives on the ground.*












**15-17.4.2025**

## Bengkel Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan

*The Local Coordinators Capacity Building Workshop*

Selama tiga hari, seramai 46 Penyelaras Tempatan Inisiatif Intervensi Dasar dari seluruh negara telah mengikuti Bengkel Pembangunan Kapasiti di Hotel Armada, Petaling Jaya — Inisiatif ini adalah sebuah usahasama antara APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah. Bengkel ini memberi pendedahan mendalam kepada peserta mengenai Kajian Kemiskinan Multidimensi (MPI) serta peranan strategik mereka dalam modul pembangunan kapasiti pemimpin tempatan dan agensi kerajaan di peringkat daerah.

Kami merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua Penyelaras Tempatan atas semangat, dedikasi dan komitmen mereka. Anda adalah penggerak utama dalam memastikan penyetempatan SDG benar-benar berakar umbi. Selamat maju jaya dalam pelaksanaan intervensi dasar di kawasan masing-masing — kami percaya anda akan membawa perubahan yang bermakna.

*Over the past three days, 46 Local Coordinators for the Policy Solutions Initiative from across Malaysia gathered at Hotel Armada, Petaling Jaya for an intensive Capacity Building Workshop — This strategic initiative is a collaborative effort between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah. Participants were equipped with tools to conduct Multidimensional Poverty Studies (MPI) and trained on capacity building modules for community leaders and government agencies at the district level.*

*We extend our heartfelt appreciation to all our Local Coordinators for their dedication and spirit. You are the heart of our mission to truly localise the SDGs. Wishing you all the best as you implement impactful policy interventions in your constituencies. Your work is vital for lasting change.*
















**23.4.2025**

## Majlis Makan Tengahari Sekretariat APPGM-SDG Bersama Media
### *Media Luncheon APPGM-SDG Secretariat with Media Partners*

APPGM-SDG dengan sukacitanya telah menganjurkan Majlis Makan Tengahari Bersama Media sempena penganjuran Sidang Kemuncak Belia SDG Malaysia-ASEAN 2025 yang bakal berlangsung pada Mei ini. Majlis ini menghimpunkan wakil media utama negara bagi memperkukuh kolaborasi strategik dalam menyebarluaskan mesej pembangunan mampan dan suara anak muda ASEAN. Media yang terlibat termasuk: Critical2, Vanakkam Malaysia, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Daily, The Edge, Kumari.my, New Straits Times, Somo News, Sinar Daily & Berita Harian. Sesi ini membuka ruang kepada kerjasama media yang lebih strategik untuk memperkasakan naratif pembangunan mampan yang dipacu komuniti. Kami berterima kasih atas kehadiran dan sokongan rakan-rakan media dalam memperkasakan agenda SDG melalui laporan yang bermakna dan berimpak.

*APPGM-SDG proudly hosted a Media Luncheon in conjunction with the upcoming Malaysia-ASEAN Youth SDG Summit 2025 set to take place this May. Participating media included: Critical2, Vanakkam Malaysia, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Daily, The Edge, Kumari.my, New Straits Times, Somo News, Sinar Daily & Berita Harian. The session opened up opportunities for more strategic media partnerships to amplify community-driven sustainable development narratives. The event brought together key media representatives to strengthen strategic collaboration in amplifying sustainable development messages and the voices of ASEAN youth. We sincerely thank all media partners for their presence and continued support in driving the SDG agenda through meaningful and impactful coverage.*

















**21.4.2025**

## Mesyuarat Bersama Unit Pantau MADANI, Kementerian Kewangan
*Meeting With The MADANI Monitoring Unit, Ministry of Finance.*

APPGM-SDG telah dijemput menghadiri Sesi Pengenalan Inisiatif Belanjawan 2025 yang diadakan pada 21 April 2025 bertempat di Kementerian Kewangan. Sesi ini dianjurkan oleh Unit Pantau MADANI. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Encik Azlan Saari, Pengarah Unit Pantau MADANI serta diiringi oleh Puan Emelia Tay, Timbalan Pengarah Seksyen Pemantauan dan Penilaian. Dalam sesi ini, APPGM-SDG telah berpeluang membentangkan aktiviti serta impak kerja-kerja pemetaan dan intervensi dasar di peringkat akar umbi. Wakil Kementerian Kewangan menyatakan penghargaan serta minat untuk memahami dengan lebih lanjut pendekatan yang dibawa oleh APPGM-SDG dalam mendukung matlamat pembangunan mampan melalui kerjasama dengan komuniti dan pelbagai pihak berkepentingan.

*APPGM-SDG was invited to attend the 2025 Budget Initiative Introduction Session held on 21 April 2025 at the Ministry of Finance. The session was organized by the MADANI Monitoring Unit. It was chaired by Mr. Azlan Saari, the Director of the MADANI Monitoring Unit and accompanied by Ms. Emelia Tay, Deputy Director of the Monitoring and Evaluation Section. During this session, APPGM-SDG had the opportunity to present its activities and the impact of its grassroots-level mapping and policy intervention work. Representatives from the Ministry of Finance expressed their appreciation and interest in gaining a deeper understanding of APPGM-SDG's approach in supporting the Sustainable Development Goals through collaboration with communities and various stakeholders.*





# Lawatan Pemetaan Isu (April)

*Issue Mapping Visit (April)*

Pada bulan April, APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak di beberapa kawasan parlimen, termasuk Pulai, Segamat, Maran, Lubok Antu dan Jasin. Pemetaan isu ini merupakan langkah awal dalam proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh APPGM-SDG. Gerak kerja ini dimulakan dengan penglibatan aktif Ahli Parlimen di kawasan-kawasan terlibat. Laporan lawatan tapak boleh dimuat turun melalui kod QR yang disediakan.

*In April, APPGM-SDG conducted site visits across several parliamentary constituencies, including Pulai, Segamat, Maran, Lubok Antu and Jasin. This issue mapping exercise marks the initial step in the localization of the Sustainable Development Goals (SDGs) by APPGM-SDG. The initiative was carried out with the active participation of Members of Parliament from the respective constituencies. The site visit report can be downloaded via the provided QR code.*




5
Pulai




6
Segamat




7
Maran




8
Lubok Antu




9
Jasin



2 April 2025 | Parlimen Tambun
*2 April 2025 | Tambun Parliament*



4 April 2025 | Parlimen Lubok Hantu
*4 April 2025 | Lubok Hantu Parliament*



5 April 2025 | Parlimen Tanjong
*5 April 2025 | Tanjong Parliament*



15 April 2025 | Parlimen Padang Terap
*15 April 2025 | Padang Terap Parliament*



17 April 2025 | Parlimen Kemaman
*17 April 2025 | Kemaman Parliament*



21 April 2025 | Parlimen Pulai
*21 April 2025 | Pulai Parliament*



21 April 2025 | Parlimen Stampin
*21 April 2025 | Stampin Parliament*



21 April 2025 | Parlimen Stampin
*21 April 2025 | Stampin Parliament*



22 April 2025 | Parlimen Kota Marudu
*22 April 2025 | Kota Marudu Parliament*



22 April 2025 | Parlimen Pasir Puteh
*22 April 2025 | Pasir Puteh Parliament*



# AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH
# | *ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS*

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti, dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentas sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localization efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zonal and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues, and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions.* ***This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

*All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarters, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.*

# ZON UTARA | NORTHERN ZONE

## 2.4.2025 Lawatan Projek Keterjaminan Makanan Zon Utara

*Food Security Project Site Visit for the Northern Zone*

10







Projek Y24-KK059 yang dijalankan secara fertigasi tanpa racun perosak di P.063 Tambun telah menerima lawatan pemantauan oleh Rose Helen. Projek ini kini dalam fasa pemantauan dan dijangka tamat pada bulan hadapan. En. Balachanderan, salah seorang perunding sukarela Ipoh Model Farm, meneruskan projek ini bersama peserta dengan menanam petola (753 polibeg) dan bendi (713 polibeg). Setakat ini, 1.4 tan petola berjaya dihasilkan, dengan jangkaan pendapatan sebanyak RM4,000.

*The pesticide-free fertigation project Y24-KK059 in P.063 Tambun was visited by Rose Helen for monitoring purposes. The project is currently in its monitoring phase and is expected to conclude next month. Mr. Balachanderan, a volunteer consultant from the Ipoh Model Farm, continued efforts with participants by planting ridge gourd (753 polybags) and okra (713 polybags). To date, they have successfully harvested 1.4 tonnes of ridge gourd, potentially generating RM4,000 in income.*

## 5.4.2025 Majlis Graduasi & Perbincangan Meja Bulat: Projek Y24-SP228

*Graduation Ceremony & Roundtable Discussion: Project Y24-SP228*

11






James, Mary, dan Viknesh telah menghadiri Majlis Graduasi IG - Traditional Approaches to Postnatal Wellness (Y24-SP228) yang dilaksanakan oleh Persatuan Insan Mulia Murni di bawah P049 – Parlimen Tanjong Pulau Pinang. Majlis ini meraikan kejayaan peserta dalam memelihara amalan kesihatan tradisional selepas bersalin. Mr. James turut berkongsi pandangan mengenai penjanaan pendapatan melalui keusahawanan, menggalakkan peserta agar menjadikan amalan tradisional sebagai peluang perniagaan lestari. Mereka juga menyertai Perbincangan Meja Bulat bersama penyedia solusi Pulau Pinang seperti Mr. Sri Sangar (MPKK Perai), Puan Rodziah (Pertubuhan Inspirasi Insaniah), Mr. Ruzaimi (Padi Hub), Mr. Muhammad Faris (AADK Bayan Baru), dan Ms. Ng Soo Mei (JCI Pearl).

*James, Mary, and Viknesh attended the Graduation Ceremony of IG – Traditional Approaches to Postnatal Wellness (Y24-SP228) under P049 – Tanjong Parliament Penang, implemented by Persatuan Insan Mulia Murni. The event celebrated participants' success in preserving postnatal wellness practices rooted in tradition. Mr. James also delivered a sharing session on income generation through entrepreneurship, encouraging participants to transform traditional knowledge into sustainable business opportunities. They participated in a Roundtable Discussion with Penang solution providers, including Mr. Sri Sangar (MPKK Perai), Puan Rodziah (Pertubuhan Inspirasi Insaniah), Mr. Ruzaimi (Padi Hub), Mr. Muhammad Faris (AADK Bayan Baru), and Ms. Ng Soo Mei (JCI Pearl).*

**5.4.2025**

## Lawatan Tapak Program CLC Y24-SP200: “Literasi Bahasa di Abad ke-21” & Kunjungan Hormat SJKT Ramathasar, Georgetown

*Site Visit under CLC Program Y24-SP200: “Language Literacy in the 21st Century” & Courtesy Visit SJKT Ramathasar, Georgetown*

12





James, Mary, dan Viknesh telah menjalankan dua lawatan penting di Perak dan Pulau Pinang. Lawatan pertama ke SJKT Methodist Buntong bagi Program CLC Y24-SP200 memfokuskan kepada strategi pengurusan projek bersama Puan Jothy, penglibatan pelajar serta pemantauan kemajuan projek. Mary turut membimbing penulisan laporan projek dan pembentangan agar selari dengan piawaian pelaporan. Seterusnya, mereka membuat kunjungan hormat ke SJKT Ramathasar, Georgetown, dan berbincang bersama Guru Besar, Encik Vinoth. Perbincangan menjurus kepada keperluan sekolah, khususnya peningkatan akses pelajar kepada teknologi dan sumber pembelajaran digital. Mereka turut meneroka peluang sokongan untuk projek kebun komuniti.

*James, Mary, and Viknesh conducted two key visits in Perak and Penang . The first was a site visit to SJKT Methodist Buntong under the CLC Program Y24-SP200, where they discussed project management strategies, student engagement, and progress with Madam Jothy. Ms. Mary also guided her in preparing project reports and presentations in line with reporting standards. They then made a courtesy visit to SJKT Ramathasar in Georgetown, meeting with Headmaster Mr. Vinoth. Discussions focused on the school’s needs—particularly in enhancing students’ access to technology and digital learning tools. They also explored support opportunities for community farming projects.*

**8.4.2025**

## Kunjung Hormat & Perbincangan SDG bersama Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut

*Courtesy Visit & SDG Discussion with Northeast District Office*

13



Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan kunjung hormat dan perbincangan strategik bersama Tuan Ismasuhaimi bin Shariff, Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut, Pulau Pinang. Turut hadir pegawai-pegawai termasuk Puan Barathi a/p Ganesan, Mohamad Azhar bin Fadziya, Puan Afiqah bt Bakhari dan En Muhamad Zailani Bin Othman. Pasukan APPGM-SDG telah membentangkan inisiatif inervensi dasar peringkat daerah melibatkan Parlimen Bayan Baru.

*Policy Solutions Department held a courtesy visit and strategic discussion with Mr. Ismasuhaimi bin Shariff, District Officer of the Northeast District and Land Office, Penang. Also present were officers including Ms. Barathi a/p Ganesan, Mr. Mohamad Azhar bin Fadziya, Ms. Afiqah bt Bakhari, and Mr. Muhamad Zailani Bin Othman. The APPGM-SDG team presented its initiatives and groundwork for district-level policy solutions involving the Bayan Baru constituency.*

**9.4.2025**

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Pulau Pinang

*Courtesy Visit to Southwest District Office, Penang*

14






APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg Dato' Rosli bin Halim, Pegawai Daerah Barat Daya, bagi memohon kebenaran penubuhan Jawatankuasa SDG peringkat daerah. YBhg Dato' menyambut baik cadangan ini dan menyatakan sokongan terhadap kerjasama pelbagai pihak dalam menangani isu tempatan secara bersepadu. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Tuan Rosli (KADO), Penolong Pegawai Daerah dan Penghulu Kanan. Pembentangan telah disampaikan oleh Paniir, Pengarah Jabatan Solusi Dasar dan Praveena, Penyelaras Tempatan Daerah.

*APPGM-SDG conducted a courtesy visit to YBhg Dato' Rosli bin Halim, District Officer of Southwest Penang, to seek approval for the establishment of a District-level SDG Committee. YBhg Dato' welcomed the initiative and expressed full support for stronger multistakeholder collaboration to address local issues collectively. Also present at the meeting were Tuan Rosli (KADO), the Assistant District Officer, and Senior Penghulu. A presentation was delivered by Paniir and Praveena, the Local Coordinator.*

**11.4.2025**

## Majlis Sambutan Hari Raya KRT Gugusan Harmoni

*Hari Raya Celebration with KRT Gugusan Harmoni*

15



Azura telah mewakili Ruang Komuniti MySDG Zon Utara bagi menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya anjuran KRT Gugusan Harmoni. Program ini bertujuan menyemarakkan semangat kerjasama dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan dalam komuniti. Persiapan program diserikan dengan aktiviti gotong-royong yang mencerminkan semangat muafakat dan perpaduan warga KRT.

*Azura represented the Northern Zone MySDG Community Hub at the Hari Raya celebration organised by KRT Gugusan Harmoni. The event aimed to foster unity and strengthen family bonds within the local community. Preparations included a communal gotong-royong session, reflecting the spirit of cooperation and togetherness among residents.*

**14.4.2025**

## Mesyuarat Jawatankuasa SDG Daerah Seberang Perai Utara
*Seberang Perai Utara District SDG Committee Meeting*

16



Jabatan Solusi Dasar telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa SDG pertama bagi Zon Utara (Daerah Seberang Perai Utara: Parlimen Kepala Batas & Tasek Gelugor) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Tuan Mohd Hafiz Aswad bin Nadzri. Ketua Penolong Pegawai Daerah Bhg Pembangunan, En Yassir Lutfi bin Ahmad Lutfi turut hadir. Antara agensi yang terlibat ialah Pertanian, MARA, Zakat, PERDA, MESP, NCIA, JKM, ICU, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) SPU dan wakil penghulu. Mesyuarat turut disertai Ketua Zon Utara Dr. Thanaraj, En Paniirselvam Jayaraman (Pengarah Jabatan Solusi Dasar), Cik Shariza (Penyelaras Tempatan Kepala Batas), Pn Maznah (Penyelaras Tempatan Kubang Pasu) dan Pn Azlina (Penyelaras Tempatan Langkawi).

*The Policy Solutions Dept attended the first SDG Committee Meeting for the Northern Zone (Seberang Perai Utara District: Kepala Batas & Tasek Gelugor), chaired by District Officer Tuan Mohd Hafiz Aswad bin Nadzri. Also present was the Senior Assistant District Officer for Development, Mr Yassir Lutfi bin Ahmad Lutfi. Participating agencies included Agriculture, MARA, Zakat, PERDA, MESP, NCIA, JKM, ICU, District and Land Office SPU, and penghulu representatives. The meeting was also attended by Northern Zone Head Dr. Thanaraj, Mr Paniirselvam Jayaraman (Director, Policy Solutions Unit), Ms Shariza (Local Coordinator for Kepala Batas), Ms Maznah (Local Coordinator for Kubang Pasu), and Ms Azlina (Local Coordinator for Langkawi).*

**14.4.2025**

## Parlimen Kulim Bandar Baharu: Mesyuarat Awalan
*Kulim Bandar Baharu Parliament - Inception Meeting*

17





Mesyuarat Awalan bersama YB Tuan Roslan bin Haji Hashim telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Kulim Bandar Baharu sebagai permulaan pelaksanaan APPGM-SDG di kawasan ini. YB menyambut baik kehadiran serta inisiatif penyetempatan SDG di Kulim. Parlimen ini melibatkan dua daerah—Kulim dan Bandar Baharu—dengan jumlah pengundi melebihi 100,000 orang. Pemetaan SDG akan dijalankan pada 24 hingga 26 Mei 2025. Turut hadir, Paniir, Pengarah Jabatan Solusi Dasar.

*An Inception Meeting was held with YB Tuan Roslan bin Haji Hashim at the Kulim Bandar Baharu Parliamentary Service Centre, marking the start of APPGM-SDG implementation in the area. YB warmly welcomed the initiative and expressed strong support for SDG localisation efforts in Kulim. The constituency spans two districts—Kulim and Bandar Baharu—and involves over 100,000 voters. The SDG issue mapping is scheduled to take place from 24 to 26 May 2025. Also present was Paniir, Director of the Policy Solutions Dept.*

15.4.2025

## Parlimen Padang Terap: Sesi Libat Urus Agensi
*Padang Terap Parliament: Engagement Session with Agencies*

18



Sesi Libat Urus bersama agensi-agensi Parlimen Padang Terap telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap. YB Nurul Amin hadir dan memainkan peranan penting dalam menyokong sesi ini yang dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, En Muhammad Na'im. Seramai 24 pegawai agensi turut serta. Sepanjang 4 jam sesi berlangsung, sebanyak 18 isu sosial, 18 isu ekonomi dan 7 isu alam sekitar telah dibincangkan.

*An engagement session with agencies from the Padang Terap Parliamentary Constituency was held at the Padang Terap District and Land Office. YB Nurul Amin was present and played a key role in supporting the session, which was chaired by Assistant District Officer, Mr Muhammad Na'im. A total of 24 agency officers also participated. Over the 4-hour session, 18 social issues, 18 economic issues, and 7 environmental issues were discussed.*

15.4.2025

## Parlimen Padang Terap: Sesi Libat Urus (IAD)
*Padang Terap Parliament: Issue Engagement Session (IAD)*

19



Dr Thanaraj selaku Ketua Zon Utara memulakan sesi dengan memberi pengenalan tentang APPGM-SDG kepada agensi-agensi yang hadir. Seterusnya, sesi diteruskan dengan perbincangan isu-isu utama bagi Parlimen Padang Terap bersama agensi pelaksana.

*Dr Thanaraj, as the Northern Zone Lead, opened the session by introducing APPGM-SDG to the attending agencies. The session then proceeded with a discussion on key issues concerning the Padang Terap Parliamentary Constituency with implementing agencies.*

15.4.2025

## Aktiviti Semaian Benih Terung – Ipoh Modal Farm Bersama Komuniti Kampung Tai Lee
*Eggplant Seedling Activity – Ipoh Modal Farm With the Kampung Tai Lee Community*

20



Satu aktiviti semaian telah dijalankan di Kebun Model Ipoh dengan penyertaan para penerima manfaat dan komuniti Kampung Tai Lee. Mereka bersama-sama menyemai benih terung bulat dan terung mini. Aktiviti semaian ini telah berjaya dilaksanakan, dan benih dijangka bersedia untuk dipindahkan ke dalam polibeg dalam tempoh sebulan. Para penerima manfaat menyatakan keterujaan mereka dan tidak sabar untuk meneruskan aktiviti pertanian yang seterusnya.

*We conducted a seedling activity at the Ipoh Model Farm with the participation of beneficiaries and members of the Kampung Tai Lee community. The group planted round eggplant (terung bulat) and mini eggplant (terung mini) seedlings together. The seedling stage was completed successfully, and the seedlings are expected to be ready for transplanting into polybags in about one month. Beneficiaries expressed excitement and eagerness to continue with more farming activities.*

**22.4.2025**

## Sesi Temuduga Penyelaras Tempatan Zon Utara

*Local Coordinator Interview Session – North Zone*

21






Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan sesi temuduga dalam talian bagi merekrut Penyelaras Tempatan untuk Inisiatif Intervensi Dasar Peringkat Daerah. Tiga calon dari Zon Utara telah ditemuduga dalam sesi yang turut disertai oleh Rahmah, Paniir, Dr. Thanaraj, Jannah dan Athirah.

*The Policy Solution Department conducted an online interview session to recruit a Local Coordinator for the District-Level Policy Intervention Initiative. Three candidates from the North Zone were interviewed, with the session attended by Rahmah, Paniir, Dr. Thanaraj, Jannah, and Athirah.*

**22.4.2025**

## Mesyuarat Bulanan Penyelaras Tempatan Zon Utara

*North Zone Local Coordinator Monthly Meeting*

22




Mesyuarat Bulanan Penyelaras Tempatan (LC) Zon Utara telah dipengerusikan oleh Dr. Thanaraj, Ketua Zon Utara. Mesyuarat ini dihadiri oleh 8 LC dari Langkawi, Kubang Pasu, Sungai Petani, Bagan Serai, Taiping, Tambun, Ipoh Barat, dan Bayan Baru. Turut hadir ialah Puan Azura dan Rose dari Pejabat Zon Utara. Sesi ini memperkukuh koordinasi dan perancangan aktiviti setempat dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat komuniti.

*The North Zone Local Coordinator (LC) Monthly Meeting was led by Dr. Thanaraj, Head of the North Zone. The meeting was attended by 8 LCs from Langkawi, Kubang Pasu, Sungai Petani, Bagan Serai, Taiping, Tambun, Ipoh Barat, and Bayan Baru. Also present were Puan Azura and Rose from the North Zone office. The session strengthened coordination and planning of local activities in realizing the Sustainable Development Goals (SDGs) at the community level.*

**25.4.2025**

## Aktiviti Pusat Zon Utara Bersama NADI Manjoi

*Northern Zone Center Activity with NADI Manjoi*

23








Satu aktiviti pusat telah dianjurkan oleh kakitangan kami, Pn Azura, mengenai digital marketing. Latihan ini dikendalikan oleh pengajar dari NADI Manjoi. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta dalam dunia pemasaran digital yang semakin penting dalam pelbagai sektor. Terima kasih kepada NADI Manjoi atas sumbangan mereka dalam menyediakan latihan yang berharga ini.

*We have a center activity organized by our staff, Pn Azura, on digital marketing. The training is conducted by a trainer from NADI Manjoi. This activity aims to enhance the participants' understanding and skills in the ever-growing digital marketing field. A big thank you to NADI Manjoi for their valuable contribution in providing this training.*

**25.4.2025**

## Program "Unlocking Digital Marketing for Business"
*Unlocking Digital Marketing for Business Programme*

24



Ruang Komuniti MySDG Zon Utara telah berjaya melaksanakan program "Unlocking Digital Marketing for Business". Sesi ini memberikan pendedahan praktikal kepada peserta tentang penggunaan pelbagai platform pemasaran digital untuk mempromosikan produk mereka dengan lebih berkesan. Peserta turut didedahkan dengan penggunaan alat AI seperti ChatGPT, Bing.com, dan Gamma untuk penciptaan kandungan, kajian pasaran, dan penyediaan pembentangan.

*Ruang Komuniti MySDG Northern Zone has successfully completed the "Unlocking Digital Marketing for Business" program. This impactful session provided participants with practical knowledge on using various digital marketing platforms to promote their products more effectively. Participants also explored powerful AI tools such as ChatGPT, Bing.com, and Gamma to enhance content creation, market research, and presentation building.*

**25.4.2025**

## Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kejiranan KRT Taman Chemor Idaman
*KRT Taman Chemor Idaman Aidilfitri Open House*

25



Datuk Dr. Denison, Rose, Azura dan Karu dari APPGM-SDG telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kejiranan KRT Taman Chemor Idaman, Tambun. Majlis ini turut menyaksikan perasmian hasil penuaian Kebun Komuniti oleh Pengerusi KRT, Tuan Karim bersama Datuk Dr. Denison. Inisiatif ini memperkukuh semangat komuniti dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan melalui pertanian bandar.

*Datuk Dr. Denison, Rose, Azura, and Karu from APPGM-SDG attended the Aidilfitri Open House hosted by the Taman Chemor Idaman Neighbourhood Committee (KRT) in Tambun. The event also marked the official launch of the Community Garden's harvest by KRT Chairman, Mr. Karim, alongside Datuk Dr. Denison. This initiative strengthens community bonds and supports Sustainable Development Goals through urban agriculture*

**26.4.2025**

## Taklimat Program Kejiranan Kampung Pokok Asam
*Kampung Pokok Asam Neighbourhood Programme Briefing*

26



Datuk Dr. Denison dan Karu telah melawat dan mengikuti Taklimat Program Kejiranan Kampung Pokok Asam di Masjid Al-Taufiqia Tul Khairiah, Taiping. Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Sahabudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Kejiranan, yang membentangkan lima tema aktiviti kejiranan yang berjaya dilaksanakan di kawasan Kampung Pokok Asam.

*Datuk Dr Denison Jayasooria and Karu visited and attended the Kampung Pokok Asam Neighbourhood Programme Briefing held at Masjid Al-Taufiqia Tul Khairiah, Taiping. The briefing was delivered by Mr Sahabudin, Chairman of the Neighbourhood Committee, who presented five key themes of successful activities implemented within Kampung Pokok Asam community.*

**26.4.2025**

## Lawatan ke Kejiranan Kampung Jaya Setia, Sungai Siput, Perak
*Visit to Kampung Jaya Setia Neighbourhood, Sungai Siput, Perak*

27




Datuk Dr. Denison dan Karu telah melawat Kejiranan Kampung Jaya Setia, Sungai Siput, Perak. Semasa lawatan ini, En. Ebby Shaifullah bin Yussof, Pengerusi Jawatankuasa Kejiranan, telah membentangkan taklimat mengenai pelaksanaan program kejiranan dan projek solusi komuniti seperti pembuatan kerepek dan muruku.

*Datuk Dr. Denison Jayasooria and Karuppiah visited Kampung Jaya Setia Neighbourhood, Sungai Siput, Perak. During the visit, Mr. Ebby Shaifullah bin Yussof, Chairman of the Neighbourhood Committee, presented an overview of the neighbourhood programmes and community solution projects, such as the production of traditional snacks like kerepek and muruku.*

**28.4.2025**

## Lawatan Hormat ke Pejabat Exco Negeri Perak
*Courtesy Visit to the Office of Exco Negeri Perak*

28




Dr. Thanaraj (Ketua Zon Utara), Rose & Azura (Pegawai Zon Utara) dan Pathma (Penyelaras Tempatan Ipoh Barat) telah mengadakan lawatan hormat ke pejabat Exco Negeri Perak, YB Sivanesan, di SUK Perak. Tujuan lawatan ini adalah untuk memohon bantuan dalam mengaturkan mesyuarat dengan SUK Perak berkenaan inisiatif APPGM-SDG kami. Kami mengambil kesempatan untuk menerangkan tentang APPGM-SDG, inisiatif, dan projek-projek kami kepada Tuan U. Muthusamy, Pegawai Khas kepada YB Sivanesan. Terima kasih khas kepada Pathma atas koordinasi pantas untuk mesyuarat ini.

*Dr. Thanaraj (Head of North Zone), Rose & Azura (North Zone Officers), and Puan Pathma (Local Coordinators Ipoh Barat) paid a courtesy visit to the office of Exco Negeri Perak, YB Sivanesan, at SUK Perak. The purpose of the visit was to seek assistance in arranging a meeting with SUK Perak regarding our APPGM-SDG initiative. We took the opportunity to explain APPGM-SDG, our initiatives, and projects to Mr. U. Muthusamy, Special Officer to YB Sivanesan. A special thanks to Pathma for swiftly coordinating this meeting.*

# ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

**6.4.2025**

## Majlis Penutupan Kursus Bakeri
*Bakery Courses Closing Ceremony*

29




APPGM-SDG bersama Unique 85 Enterprise telah menganjurkan Majlis Penutupan Kursus Bakeri di Hotel VI Banquet, Kuala Selangor. Program selama 3 bulan ini merangkumi 12 modul kemahiran bakeri dan asas keusahawanan. Mary mengendalikan sesi Pemasaran Digital dengan fokus kepada strategi TikTok, manakala Viknesh berkongsi langkah formalisasi perniagaan termasuk pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pembukaan akaun perniagaan, kursus pengendalian makanan dan suntikan tifoid. Ketuhar turut disumbangkan sebagai kit permulaan bagi menyokong peserta memulakan perniagaan.

*APPGM-SDG and Unique 85 Enterprise held the Kursus Bakeri closing ceremony at Hotel VI Banquet, Kuala Selangor. This 3-month program covered 12 modules on baking skills and entrepreneurship. Mary led a Digital Marketing session focused on TikTok strategies, while Viknesh guided participants on formalizing businesses, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) registration, business accounts, food handling courses, and typhoid injections. Ovens were distributed as starter kits to support real business efforts.*

**9.4.2025**

## Kajian Rintis Kemiskinan Multidimensi di Seputeh
*Multi-Dimensional Poverty Pilot Study in Seputeh*

30





YB Teresa Kok bersama pegawai dari Pejabat Parlimen Seputeh telah menerima kunjungan pasukan APPGM-SDG bagi sesi taklimat awal bersama bakal Rakan Solusi, Kongsi KL. Kongsi KL menyatakan minat untuk melaksanakan projek kesedaran alam sekitar yang memfokuskan kepada Sungai Klang, selaras dengan inisiatif jangka panjang mereka yang sedang berjalan. Syaza dan Yooges mewakili Unit Solusi Dasar dalam sesi ini, dan Yooges turut memberi penerangan ringkas berkenaan prosedur dan proses penyediaan kertas cadangan. Sesi ini juga membuka ruang pertukaran pandangan mengenai perancangan projek jangka pendek dan panjang untuk Parlimen Seputeh.

*YB Teresa Kok and officers from the Seputeh Parliamentary Office welcomed the APPGM-SDG team for a pre-briefing session with a potential Solution Provider, Kongsi KL. Kongsi KL expressed interest in initiating an environmental awareness project focused on the Klang River, aligning with their existing long-term initiatives involving the river. Syaza and Yooges represented the Policy Solutions Unit at the meeting, with Yooges providing a brief overview of the proposal and implementation process. The session also facilitated an exchange of ideas on both short- and long-term project planning for the Seputeh Parliament.*

26.4.2025

## Parlimen Petaling Jaya: Program “Claypreneur: Shaping Successful Art Industry”

*Petaling Jaya Parliament: Claypreneur: Shaping Successful Art Industry Programme*

31






Ara, Zoel dan Viknesh telah menghadiri Majlis Graduasi program Claypreneur: Shaping Successful Art Industry di Zon Tengah, Parlimen Petaling Jaya. Program ini bertujuan memperkasa individu yang berminat dalam industri seni dan tembikar dengan kemahiran teknikal, sumber, serta pengetahuan keusahawanan untuk membina kerjaya kreatif yang mampan. Lebih daripada sekadar pembangunan kemahiran, program ini turut menitikberatkan kesejahteraan mental melalui proses membentuk tanah liat yang bersifat terapeutik.

*Ara, Zoel and Viknesh attended the graduation ceremony for the Claypreneur: Shaping Successful Art Industry project at the Central Zone, Petaling Jaya Parliament. This programme empowers aspiring individuals in the art and pottery industry with hands-on skills, resources, and entrepreneurial knowledge to build sustainable creative careers. Beyond technical skill-building, the programme also promotes mental well-being through the therapeutic process of pottery.*

28.4.2025

## Lawatan Keterjaminan Makanan: Y24-KK089, Y24-KK172 & Y24-KK041

*Food Security Visit: Y24-KK089, Y24-KK172 & Y24-KK041*

32





James, Dana, Darshini dan Shai telah melawat tiga projek komuniti di bawah inisiatif keterjaminan makanan APPGM-SDG. Y24-KK089 di Bayu Damansara melibatkan 10 peserta dengan 30 sarang kelulut, berpotensi hasilkan sehingga 2 kilogram madu sehari. Y24-KK172 libatkan anak-anak peserta (Anak Tani) dalam aktiviti eco-enzim dan ‘feed the earth’ menggunakan sisa organik. Y24-KK041 memfokus kepada penanaman serai dan pengedaran ke 25 kedai milik komuniti Aceh.

*James, Dana, Darshini and Shai visited three APPGM-SDG community food security projects.Y24-KK089 in Bayu Damansara involves 10 participants and 30 stingless bee hives, each producing up to 2 kilogram of honey daily. Y24-KK172 engaged Anak Tani in eco-enzyme activities and a ‘feed the earth’ session. Y24-KK041 focuses on lemongrass farming and distribution to 25 Acehnese-owned shops.*

**29.4.2025**

## Mesyuarat Susulan Bersama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam
*Follow-up Meeting with Sabak Bernam District and Land Office*

33



Syaza dan Syadhira telah menghadiri mesyuarat susulan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, dan Penghulu bagi membincangkan secara lanjut tentatif serta perjalanan program pemetaan isu di Parlimen Sabak Bernam yang dijadualkan berlangsung pada 9 hingga 11 Mei 2025.

*Syaza and Syadhira attended a follow-up meeting with the Chief Assistant District Officer, Assistant District Officer, and village heads to further discuss the tentative agenda and program flow for the upcoming issue-mapping session in Sabak Bernam parliamentary constituency, scheduled for 9–11 May 2025.*

**30.4.2025**

## Parlimen Seputeh: Pra-Taklimat Rakan Solusi Kedua
*Seputeh Parliament: Pre-Briefing with Second Potential Solution Provider*

34





Farah Ezzaty dan Syaza telah menghadiri sesi pra-taklimat bersama bakal Rakan Solusi kedua bagi projek Parlimen Seputeh. Dalam sesi ini, Farah Ezzaty mewakili Jabatan Pengurusan Projek bagi memberi gambaran keseluruhan tentang skop dan keadaan projek. Turut hadir YB Teresa Kok, wakil AADK, PEMADAM, para pengetua sekolah menengah, dan pegawai dari Pejabat Parlimen Seputeh bagi bertukar pandangan ke arah perancangan yang lebih berimpak. Fokus utama projek ini adalah untuk memperkasa kesedaran masyarakat terhadap inisiatif pencegahan penyalahgunaan dadah.

*Farah Ezzaty and Syaza attended a pre-briefing session with the second potential Solution Provider for the Seputeh Parliamentary project. Representing the Project Management Department, Farah Ezzaty gave a brief overview of the project to ensure a better understanding of the context and objectives. Also present were YB Teresa Kok, representatives from AADK, PEMADAM, secondary school principals, and officers from the Seputeh Parliamentary Office. The session facilitated meaningful exchanges of ideas for collaborative planning. The proposed project aims to raise community awareness on anti-drug initiatives.*

# ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

## 8.4.2025 Bengkel TOT SDG Sektor Kesihatan Zon Timur

*East Coast Health Sector SDG TOT Workshop*

35





APPGM-SDG telah dijemput untuk mengendalikan Bengkel *Training of Trainers (TOT)* Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Sektor Kesihatan Zon anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia, bertempat di Raia Hotel, Kuala Terengganu. Dr Siti Nur Ain, Ketua Zon Pantai Timur APPGM-SDG, telah menyampaikan dua sesi utama: Pengenalan kepada SDG dan Pemahaman Gerak Kerja Lapangan APPGM-SDG. Bengkel ini dihadiri oleh 50 pengamal perubatan dari Kelantan, Terengganu dan Pahang.

*APPGM-SDG was invited to lead the Training of Trainers (TOT) Workshop on Sustainable Development Goals (SDG) for the Health Sector (East Coast Zone), organised by the Ministry of Health Malaysia at Raia Hotel, Kuala Terengganu. Representing APPGM-SDG, Dr Siti Nur Ain, East Coast Zone Lead, conducted two key sessions: Introduction to the SDGs and Understanding APPGM-SDG's Fieldwork Approach. The workshop was attended by 50 healthcare practitioners from Kelantan, Terengganu, and Pahang.*

## 9.4.2025 Perjumpaan Jabatan Solusi Dasar bersama Penyelaras Tempatan Zon Pantai Timur

*Policy Solutions Dept Meeting with East Coast Zone Local Coordinators*

36





Dr Siti telah mengadakan perjumpaan berkala bersama Pasukan Penyelaras Tempatan, Inisiatif Intervensi Dasar bagi Zon Pantai Timur bagi membuat persediaan rapi menjelang sesi Kunjung Hormat bersama Pegawai Daerah di Bera dan Kuantan. Dalam sesi ini, Penyelaras Tempatan Bera dan Kuantan (Indera Mahkota) membincangkan intipati kertas pembentangan yang akan dikemukakan. Sesi Kunjung Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Bera dijadualkan pada 11 April, manakala bagi Kuantan pula pada 23 April. Komitmen berterusan ini mencerminkan pendekatan berasaskan penyelesaian oleh APPGM-SDG untuk memperkukuh penyetempatan SDG melalui penglibatan aktif di peringkat daerah.

*Dr Siti held a regular engagement with the East Coast Zone Local Coordinators (LC) of the Policy Solutions initiative to ensure thorough preparation ahead of upcoming Courtesy Visits to the District Officers in Bera and Kuantan. During the session, LC Bera and Kuantan (Indera Mahkota) discussed key presentation points. The visit to the Bera District Office is scheduled for 11 April, while the Kuantan session will be on 23 April. This continued engagement reflects APPGM-SDG's solutions-driven approach to strengthening SDG localisation through district-level collaboration.*

**9.4.2025**

## Taklimat Rakan Solusi Baharu – Fasa 3 & Projek CLC Pantai Timur

*New Solution Provider Briefings – Phase 3 & CLC Project in Pantai Timur*

37




Balqis telah berjaya mengendalikan siri Taklimat Rakan Solusi (SP) Baharu melibatkan tiga organisasi di Kuala Krai, Kemaman dan Rantau Panjang. Taklimat ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Fasa 3 dan Projek CLC, yang bertujuan memperkukuh pelaksanaan projek di Zon Pantai Timur.

*Balqis successfully conducted a series of New Solution Provider (SP) Briefings for three organisations based in Kuala Krai, Kemaman, and Rantau Panjang. These briefings are part of the Phase 3 and CLC Project initiatives, aimed at strengthening project development across the East Coast zone.*

**11.4.2025**

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Bera

*Courtesy Visit to Bera District Office*

38



APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat bersama YH Dato' Ahmad Nasim Bin Dato' Haji Mohd Sidek, Pegawai Daerah Bera, bagi memperkenalkan inisiatif penubuhan Jawatankuasa SDG peringkat daerah. Turut hadir dalam sesi ini ialah KADO, ADO dan pegawai-pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Bera. Pihak daerah menyatakan sokongan penuh dan komitmen untuk menjayakan usaha ini. APPGM-SDG diwakili oleh Ketua Zon Dr Siti Nur Ain, Pn Aina, Pn Atikah dan Ms Vinoshalata sebagai Penyelaras Tempatan Zon Pantai Timur.

*APPGM-SDG paid a courtesy visit to YH. Dato' Ahmad Nasim Bin Dato' Haji Mohd Sidek, Bera District Officer, to introduce the initiative of establishing a District-level SDG Committee. The session was also attended by the CADO, ADO, and officers from the Bera District and Land Office. The District Office expressed full support and commitment to this effort. APPGM-SDG was represented by Zone Head, Dr Siti Nur Ain, Pn Aina, Pn Atikah, and Ms Vinoshalata the East Coast Zone Local Coordinators.*

**13.4.2025**

## Lawatan Tapak Taman Rekreasi Che Minah Sayang

*Site Visit to Che Minah Sayang Recreational Park*

39




Satu sesi lawatan telah diadakan ke Taman Rekreasi Che Minah Sayang bersama penghulu dan pasukan penyelidik APPGM-SDG. Taman ini merupakan antara tarikan menarik untuk aktiviti eko-pelancongan di Parlimen Maran. Pelbagai kemudahan telah disediakan seperti tempat letak kereta, gazebo, surau, tandas serta kerusi dan meja untuk keselesaan pengunjung. Lawatan ini membantu mengenal pasti potensi taman ini dalam menyokong pembangunan mampan setempat.

*A site visit was conducted at Che Minah Sayang Recreational Park with the local village head and the APPGM-SDG research team. The park is one of the key eco-tourism attractions in the Maran parliamentary constituency. It offers various facilities including parking space, gazebos, a prayer room, toilets, and seating areas for visitors. This visit aimed to assess the park's potential in supporting local sustainable development.*

**13.4.2025**

## Parlimen Pasir Puteh - Sesi Libat Urus Agensi
*Parliament Pasir Puteh - Inter-Agency Engagement Session*

40




Sesi libat urus bersama agensi-agensi di Daerah Pasir Puteh telah diadakan bagi membincangkan isu-isu hasil pemetaan SDG Parlimen Pasir Puteh. Sesi ini dipengerusikan oleh Encik Roshdi Bin Ismail, Pegawai Jajahan Pasir Puteh dan turut dihadiri oleh YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawai bin Salleh, Ahli Parlimen Pasir Puteh serta ADUN Limbongan. Seramai 45 pegawai daripada 27 agensi dan pihak berkepentingan telah terlibat. APPGM-SDG diwakili oleh Dr Siti Nur Ain bersama tiga Penyelaras Tempatan — Rozlan, Syahida dan Syafiqah.

*An engagement session with agencies in the Pasir Puteh District was held to discuss key issues identified through the SDG issue mapping for the parliamentary constituency. The session was chaired by YABrs Encik Roshdi Bin Ismail, Pasir Puteh District Officer, and attended by YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawai bin Salleh, Member of Parliament for Pasir Puteh, as well as the Limbongan State Assemblyman. A total of 45 officers from 27 agencies and stakeholders participated. Written feedback will be submitted to APPGM-SDG soon. APPGM-SDG was represented by Dr Siti Nur Ain and three Local Coordinators — Rozlan, Syahida, and Syafiqah.*

**17.4.2025**

## Parlimen Kemaman: Perkongsian Program Kesedaran Bahaya Dadah
*Kemaman Parliament: Drug Awareness Program in Kemaman Sharing*

41




Satu pertemuan ringkas telah diadakan bersama Puan Norhartini binti Chek Rani (Pegawai AADK Daerah Kemaman) dan Dr. Faizul Haris bin Mohd Hatta (Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman) bersama Menteri Besar Terengganu, yang merangkap ADUN Kemaman, YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar bagi membincangkan pelaksanaan program kesedaran berkaitan bahaya dadah jenis magic mushroom dan vape, serta Program Keluarga Berdaya Tahan di kawasan Kemaman.

*A brief meeting was held with Puan Norhartini binti Chek Rani (AADK Officer, Kemaman District) and Dr. Faizul Haris bin Mohd Hatta (Public Health Medical Specialist, Kemaman District Health Office) with the Menteri Besar of Terengganu, who is also the Kemaman Assemblyman, YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar to discuss the implementation of an awareness program regarding the dangers of magic mushroom and vape drugs, as well as the Resilient Family Program in the Kemaman area.*

**22.4.2025**

## Parlimen Pasir Puteh: Program Kepimpinan SDG

*Pasir Puteh Parliament: SDG Leadership Capacity Building*

42





Program Pembangunan Kapasiti Kepimpinan SDG bagi Parlimen Pasir Puteh telah diadakan di Tok Aman Bali Beach Resort dengan penyertaan 28 peserta daripada pelbagai agensi dan penggawa daerah. Antara dapatan utama ialah keperluan memperkukuh pelancongan komuniti dan pertanian mampan sebagai strategi menjana ekonomi tempatan dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk belia.

*The SDG Leadership Capacity Building Programme for Pasir Puteh Parliament was held at Tok Aman Bali Beach Resort, with 28 participants from various agencies and district leaders. Key insights from the discussion included the need to strengthen community-based tourism and sustainable agriculture as a strategy to boost the local economy and create youth employment opportunities.*

**25.4.2025**

## Mesyuarat Pemantauan Bulanan April (Pantai Timur)

*Monthly Monitoring Meeting April Session (East Coast)*

43



Yooges, Shazie dan Balqis telah mengetuai sesi pemantauan bagi 11 Projek Solusi (SP) di Zon Pantai Timur. Usaha berterusan ini memastikan pelaksanaan projek selaras dengan matlamat pembangunan mampan.

*Yooges, Shazie, and Balqis led the monitoring session for 11 Solution Projects (SPs) across the East Coast Zone. This ongoing effort ensures project implementation remains aligned with sustainable development goals.*

**25.4.2025**

## Parlimen Besut - Program Pembangunan Kapasiti Kepimpinan SDG

*Besut Parliament - SDG Leadership Capacity Building Programme*

44





Program Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Matlamat Pembangunan Mampan bagi Parlimen Besut telah diadakan di Bukit Keluang Beach Resorts, Besut, Terengganu. Seramai 26 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan daerah serta ketua-ketua komuniti termasuk penggawa dan penghulu telah mengambil bahagian.

*The SDG Leadership Capacity Building Programme for Besut Parliament was held at Bukit Keluang Beach Resorts, Besut, Terengganu. A total of 26 participants, including representatives from district government agencies and community leaders such as Penggawa and Penghulu, took part.*

# ZON SELATAN | SOUTHERN ZONE

**10.3.2025**

## Parlimen Pagoh: Kunjungan Hormat ke Pejabat Ahli Parlimen
*Pagoh Parliament: Courtesy Visit to Member of Parliament's Office*

45



Mary dan Yooges telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Parlimen Pagoh bagi membincangkan kemajuan dan perkembangan projek-projek Fasa 1 di kawasan Parlimen Pagoh.Perbincangan turut dihadiri oleh Datuk Haji Tahir Mohd Taat, Pegawai Khas Ahli Parlimen Pagoh, serta Puan Jannariah, Rakan Solusi dari Pagoh.

*Mary and Yooges paid a courtesy visit to the Pagoh Parliamentary Office to discuss the progress and updates of Phase 1 projects in the constituency. The meeting was joined by Datuk Haji Tahir Mohd Taat, Special Officer to the MP of Pagoh, and Puan Jannariah, our local Solution Provider from Pagoh.*

**10.3.2025**

## Mesyuarat Pertama Jawatankuasa SDG Daerah Pontian
*First District-Level SDG Committee Meeting – Pontian*

46




Mesyuarat pertama Jawatankuasa SDG Peringkat Daerah Pontian telah berlangsung dengan jayanya dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Kamalludin Bin Haji Jamal, Pegawai Daerah Pontian. Lebih 30 agensi kerajaan daerah hadir memberikan input bermakna. Penyelaras Tempatan, Aiman dan Khairiah membentangkan laporan dan memudahcara sesi bersama Paniir, dengan kehadiran KADO, ADO dan para Penghulu.

*The first Pontian District SDG Committee Meeting was successfully held, chaired by Tuan Haji Kamalludin Bin Haji Jamal, District Officer of Pontian. Over 30 local government agencies participated and provided constructive input. Local Coordinators Aiman and Khairiah presented and facilitated the session with Paniir, joined by the KADO, ADO, and area Penghulus.*

**11.3.2025**

## Parlimen Jempol: Perbincangan SDG bersama pejabat Ahli Parlimen
*Jempol Parliament: SDG Discussion with Member of Parliament's Office*

47



Dr. Ken dan Tariq telah mengadakan perbincangan bersama Encik Khairul Annuar Mansor, Pegawai Khas Ahli Parlimen Jempol, berkaitan pelaksanaan program komuniti berasaskan SDG seperti kelas tuisyen dan kemahiran. Encik Khairul yang juga Presiden MyHumanitarian berkongsi pengalaman dalam projek bekalan air bersih di pedalaman Sarawak, menunjukkan potensi kerjasama komuniti secara sukarela.

*Dr. Teo Lee Ken and Tariq Ziad met with Mr. Khairul Annuar Mansor, Special Officer to the MP of Jempol, to discuss community-based SDG programmes such as tuition and skills classes. Mr. Khairul, who also leads MyHumanitarian, shared insights from their clean water project in Sarawak, highlighting the value of volunteer-driven community efforts.*

16.4.2025

## Daerah Alor Gajah: Lawatan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah

*Alor Gajah District; Courtesy Visit to District and Land Office*

48



Dr. Wan telah membentangkan Inisiatif Intervensi Dasar semasa sesi kunjung hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah. Lawatan ini bertujuan memperkukuh kerjasama antara APPGM-SDG dan pihak berkuasa tempatan dalam usaha penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kami menghargai sokongan berterusan daripada Pejabat Daerah dan Tanah dalam memperkukuh pelaksanaan projek komuniti berasaskan isu yang diutamakan.

*Dr Wan presented the Policy Solutions initiative during a courtesy visit to the Alor Gajah District Office. The visit aimed to strengthen collaboration between APPGM-SDG and local authorities in localising the Sustainable Development Goals (SDGs). We appreciate the continued support from the district office in enhancing the implementation of community projects based on prioritised issues.*

16.3.2025

## Parlimen Masjid Tanah: Kunjungan Hormat & Mesyuarat Dalaman SDG

*Masjid Tanah Parliament: Courtesy Visit & SDG Internal Meeting*

49





APPGM-SDG telah dijemput untuk membuat pembentangan berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan isu-isu utama Parlimen Masjid Tanah dalam satu kunjungan hormat serta mesyuarat dalaman di Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dato' Sabrina Thalas (Pegawai Daerah Alor Gajah) dan dihadiri seramai 35 orang termasuk wakil KADO, penghulu mukim, wakil ADUN serta pegawai dalaman. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah menyatakan sokongan penuh terhadap Inisiatif Intervensi Dasar, sebuah usahasama APPGM-SDG bersama Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan. Mesyuarat Jawatankuasa SDG 1 bagi Parlimen Masjid Tanah akan dilaksanakan pada 15 Mei 2025. APPGM-SDG diwakili oleh Dr Teo Sue Ann (Pengarah, Jabatan Advokasi Dasar) dan Dr Wan (Ketua Zon Selatan).

*APPGM-SDG was invited to deliver a presentation on the Sustainable Development Goals (SDG) and key local issues for the Masjid Tanah parliamentary constituency during a courtesy visit and internal coordination meeting at the Alor Gajah District Office. The meeting was chaired by Dato' Sabrina Thalas (District Officer of Alor Gajah) and attended by 35 participants including KADO representatives, penghulu mukim, ADUN representatives, and internal officers. The District Office expressed its full support for the Policy Solutions Initiaitve, a collaboration between APPGM-SDG, Yayasan Hasanah, and the Ministry of Finance. The first SDG Committee Meeting for Masjid Tanah is scheduled for 15 May 2025. APPGM-SDG was represented by Dr Teo Sue Ann (Director, Policy Solutions Department) and Dr Wan (Southern Zone Head).*

**21.4.2025**

## Parlimen Pulai: Pengutamaan Isu
*Pulai Parliament - Issue Prioritisation*

50




Satu sesi pengutamaan isu telah diadakan bersama YB Tuan Suhaizan Kaiat di Pusat Khidmat Parlimen Pulai, disertai wakil APPGM-SDG termasuk Datuk Dr. Denison dan pasukan. Empat isu utama dikenal pasti: belia, ibu tunggal, komuniti OKU dan Orang Asli. Empat projek solusi dirangka hasil sesi ini, dengan pelaksanaan akan diperincikan bersama Rakan Solusi yang bakal dikenalpasti. YB Suhaizan menekankan pentingnya keterangkuman kaum dalam memastikan pembangunan yang adil dan berkesan di peringkat komuniti.

*An issue prioritisation session was held with YB Tuan Suhaizan Kaiat at the Pulai Parliament Service Centre, joined by APPGM-SDG representatives including Datuk Dr. Denison and team. Four key issues were identified — youth, single mothers, OKU communities, and Orang Asli. Four solution projects were outlined, with implementation to be refined through upcoming strategic partnerships with Solution Providers. YB Suhaizan stressed the importance of multiracial inclusion to ensure equitable and effective grassroots development.*

**21.4.2025**

## Lawatan ke Kampung Rohingya, Pulai
*Visit to Rohingya Village, Pulai*

51




Datuk Dr. Denison bersama pasukan APPGM-SDG telah melawat Kampung Rohingya di Pulai bagi memahami realiti kehidupan masyarakat melalui lensa SDG. Mereka berpeluang bertemu pasangan muda yang mengusahakan sebuah kedai kecil di kampung tersebut — simbol keusahawanan akar umbi yang wajar disokong dalam kerangka pembangunan mampan.

*Datuk Dr. Denison and the APPGM-SDG team visited a Rohingya village in Pulai to better understand local living conditions through the SDG lens. During the visit, they met a young couple running a small shop — a reflection of grassroots entrepreneurship that aligns with inclusive and sustainable development goals.*

**21.4.2025**

## Parlimen Pulai - Dialog Bersama Komuniti Melayu Tempatan

*Pulai Parliamentary Constituency - Dialogue with Local Malay Community*

52





Datuk Dr. Denison bersama pasukan APPGM-SDG telah mengadakan sesi dialog bersama komuniti Melayu tempatan di Pulai pada sebelah petang. Sesi ini bertujuan untuk mendengar pandangan akar umbi serta memahami isu-isu setempat melalui pendekatan penyetempatan SDG.

*Datuk Dr. Denison and the APPGM-SDG team held a dialogue session with the local Malay community in Pulai this afternoon. The session aimed to listen to grassroots perspectives and better understand local issues through the lens of SDG localisation.*

**22.4.2025**

## Daerah Tampin: Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah

*Tampin District: Courtesy Visit to the District and Land Office*

53





APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pegawai Daerah Tampin, Tuan Fadhil Bin Hassan bagi membentangkan inisiatif Intervensi Dasar, hasil kerjasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah. Tuan Pegawai Daerah menyatakan sokongan terhadap penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Tampin dan bersetuju untuk menggerakkan pelaksanaan SDG di daerah ini. Pembentangan disampaikan oleh Aina & Seri (Penyelaras Tempatan), dan Paniir, dengan kehadiran KADO serta pegawai Pejabat Daerah dan Tanah.

*APPGM-SDG paid a courtesy visit to the District Officer of Tampin, Tuan Fadhil Bin Hassan, to present the Policy Solutions Initiative—a joint effort by APPGM-SDG and Yayasan Hasanah. The District Officer expressed full support for establishing the Tampin District SDG Committee and endorsed the rollout of SDG efforts in the district. The presentation was delivered by Aina & Seri (Local Coordinators), and Paniir, joined by the KADO and district office staff.*

23.4.2025

## Mesyuarat Jawatnkuasa SDG Intervensi Dasar Pertama Daerah Jelebu

*First District Level SDG Committee Meeting in Jelebu*

54




Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Daerah Jelebu yang pertama telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu dipengerusikan oleh Tuan Abdul Rahim B. A Aziz. Pembentangan isu dibuat oleh Seri (Penyelaras Tempatan) berdasarkan laporan pemetaan isu 2023 telah mendapat sokongan penuh daripada 14 agensi kerajaan yang hadir. Maklum balas bertulis akan dikongsi dalam tempoh 2 minggu dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Daerah. Turut hadir adalah Paniir, Dr. Wan, Amirul dan Aina.

*First District Level SDG Committee meeting for Jelebu was held at the Jelebu District and Land Office chaired by Tuan Abdul Rahim B. A Aziz. Issues identified through the 2023 mapping were presented by Seri (Local Coordinator) and received full support from 14 participating government agencies. Written responses will be provided within two weeks and coordinated by the district development office. Also present was Paniir, Dr. Wan, Amirul, and Aina.*

23.4.2025

## Parlimen Jasin: Lawatan Projek Keterjaminan Makanan

*Jasin Parliament: Food Security Project Visits*

55





James, Darshini & Shai telah melawat kawasan Penanaman Tebu Telur Secara Berkelompok, Projek Akuaponik RAS – Penanaman Sayuran Hidroponik & Penternakan Ikan Air Tawar dan Hidroponik Pintar – Memanfaatkan Teknologi untuk Kecekapan Maksimum. Peserta dengan bimbingan jurulatih meneruskan projek ini dengan baik.

*James, Darshini & Shai visited the location of Group Planting of Tebu Telur (Sugarcane), Aquaponics Project – Hydroponic Vegetable Farming & Freshwater Fish Rearing and Smart Hydroponics – Leveraging Technology to Maximise Output Efficiency These visits reflect the commitment of communities to advancing food security through innovation and modern farming practices.*

24.4.2025

## Parlimen Tangga Batu: Mesyuarat Dalaman Agenda SDG

*Tangga Batu Parliament: SDG Agenda Internal Meeting*

56




Mesyuarat pembentangan pembentukan Jawatankuasa Intervensi Dasar peringkat Daerah Melaka Tengah bagi Parlimen Tangga Batu telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, dipengerusikan oleh Tuan Muhd Shaiful Hizam bin Johan, Pegawai Daerah. Hasil perbincangan, pegawai daerah dan agensi menyokong sepenuhnya pembentukan ini dan bersetuju untuk melaksanakannya pada tarikh yang akan ditetapkan untuk mesyuarat SDG 1. Turut hadir adalah wakil dari 27 agensi, termasuk Panghulu, YB Dun Kundur, YB Kota Melaka, dan ADO KADO. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Wan Suzita (Ketua Zon Selatan) bersama penyelaras tempatan, Aina, Amirah, dan Amirul.

*A meeting to present the establishment of the Policy Intervention Committee at the Melaka Tengah District level for the Tangga Batu Parliament was held at the Melaka Tengah District and Land Office, chaired by Tuan Muhd Shaiful Hizam bin Johan, District Officer. Following the discussions, district officers and agencies fully supported the establishment of the committee and agreed to proceed with the SDG 1 meeting on a date to be determined. The meeting was attended by representatives from 27 agencies, including the Village Head, YB Dun Kundur, YB Kota Melaka, and ADO KADO. APPGM-SDG was represented by Dr. Wan Suzita (Head of Southern Zone) along with local coordinators Aina, Amirah, and Amirul.*

24.4.2025

## Parlimen Jasin: Lawatan Tapak & Sesi FGD

*Jasin Parliament: Site Visit & FGDs*

57




APPGM-SDG telah mengadakan lawatan tapak dan sesi libat urus bersama petani, belia, nelayan, penjaja, komuniti Cina, India, Orang Asli dan PDK di Parlimen Jasin. Isu utama termasuk pasaran pertanian lemah, peluang kerja terhad, kos sara hidup tinggi, dan infrastruktur tidak memuaskan.
Nelayan berkongsi kesan pewartaan Taman Laut Melaka, manakala komuniti PDK menekankan isu kebajikan petugas dan kurang kesedaran masyarakat. Wakil Orang Asli membangkitkan isu banjir, tanah rezab dan kemudahan asas. YB Tuan Haji Zulkefli menyatakan sokongan terhadap penyelesaian dasar yang menyeluruh dan inklusif.

*APPGM-SDG visited Jasin to engage with farmers, youth, fishermen, hawkers, Chinese, Indian, Orang Asli communities, and PDK reps. Key issues included poor agricultural market access, limited job opportunities, high living costs, and weak infrastructure. Fishermen raised concerns over the Marine Park zoning, while PDK reps highlighted staff welfare and public awareness issues. Orang Asli reps shared about flooding, land reserves, and lack of amenities. MP YB Tuan Haji Zulkefli expressed strong support for inclusive, comprehensive policy solutions.*

# WILAYAH SARAWAK/ SARAWAK REGION

**8.4.2025**

## Pemantauan Bulanan CBDP Bersama Rakan Solusi Sarawak
*CBDP Monthly Monitoring with Sarawak SPs*

58




Sesi pemantauan bulanan Community-Based Development Programme (CBDP) bersama Rakan Solusi Sarawak telah diadakan petang ini, diketuai oleh Corrin Alicia bersama Fahmi Fazrin dan Yoogeswaran. Seramai 15 Rakan Solusi telah membentangkan perkembangan terkini projek masing-masing dalam sesi ini.

*The monthly Community-Based Development Programme (CBDP) monitoring session with Sarawak Solution Providers was held this afternoon, led by Corrin Alicia alongside Fahmi Fazrin and Yoogeswaran. A total of 15 Solution Providers attended and presented progress updates on their respective projects.*

**8.4.2025**

## Pemantauan Bulanan CBDP Bersama Rakan Solusi Sarawak
*CBDP Monthly Monitoring with Sarawak SPs*

59



Pejabat Wilayah Sarawak telah mengadakan mesyuarat dalaman bagi berkongsi perkembangan tugasan masing-masing. Mesyuarat ini memperkukuh koordinasi pasukan serta memastikan penyelarasan pelaksanaan projek berjalan lancar.

*The Sarawak Regional Office held an internal meeting to share updates on each team member's tasks. This session strengthened team coordination and ensured smooth alignment in project implementation.*

**10.4.2025**

## Taklimat Program di Pusat Komuniti SDG Sarawak
*Program Briefing at Sarawak SDG Community Centre*

60



Fahmi Fazrin telah membentangkan perancangan program yang dijadualkan berlangsung di Pusat SDG Sarawak pada penghujung April ini. Program ini dijangka melibatkan penglibatan pelbagai pihak dalam usaha menyemarakkan agenda pembangunan mampan di peringkat negeri.

*Fahmi Fazrin conducted a briefing on the upcoming programme set to be held at the Sarawak SDG Centre, tentatively scheduled for the end of April. The programme aims to strengthen multi-stakeholder engagement in advancing the sustainable development agenda at the state level.*

**12.4.2025**

## Kunjungan Hormat ke Rumah Terbuka YBhg. Dato' Seri Rohani

*Visit to YBhg. Dato' Seri Rohani's Open House*

61



Corrin telah memberi taklimat kepada wakil-wakil dari Kampung Singai, Bau yang melawat pejabat APPGM-SDG Sarawak pagi ini. Taklimat ini memberi panduan tentang proses permohonan geran keterjaminan makanan serta cara mengisi borang cadangan projek dengan lengkap.

*Corrin briefed representatives from Kampung Singai, Bau who visited the APPGM-SDG Sarawak office this morning. The session focused on guiding them through the Food Security grant application process and how to complete the proposal form effectively.*

**16.4.2025**

## Pemantauan Bulanan CBDP Bersama Rakan Solusi Sarawak

*CBDP Monthly Monitoring with Sarawak SPs*

62



Corrin telah memberi taklimat kepada wakil-wakil dari Kampung Singai, Bau yang melawat pejabat APPGM-SDG Sarawak pagi ini. Taklimat ini memberi panduan tentang proses permohonan geran keterjaminan makanan serta cara mengisi borang cadangan projek.

*Corrin briefed representatives from Kampung Singai, Bau who visited the APPGM-SDG Sarawak office this morning. The session focused on guiding them through the Food Security grant application process and how to complete the proposal form.*

**21.4.2025**

## Parlimen Stampin: Pemetaan Isu

*Stampin Parliament: Issue Mapping*

63





Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) bersama petani warga emas dari Sungai Moyan, Batu Kawah telah diadakan bagi mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi. Turut hadir memberi sokongan ialah YB Tuan Chong Chieng Jen, Ahli Parlimen Stampin. Isu utama yang dibangkitkan ialah kos baja yang tinggi, ketidakstabilan tanaman mengikut permintaan pasaran, dan keperluan bimbingan dari Jabatan Pertanian.

*A Focus Group Discussion (FGD) was held with elder farmers from Sungai Moyan, Batu Kawah to identify key challenges. YB Tuan Chong Chieng Jen, MP for Stampin, was also present to offer his support. Key issues raised are the high fertiliser costs, the crop volatility driven by market trends and the need for guidance from the Department of Agriculture – Farmers rely on ad-hoc support and seek proper knowledge-sharing sessions.*

## 21.4.2025 Taklimat Tinjauan Ekonomi Bank Negara Malaysia

*Bank Negara Malaysia Economic Outlook Briefing*

64



Dr. Eva dan Raine Melissa telah menghadiri taklimat khas oleh Bank Negara Malaysia di Auditorium Chemsains, Kuching. Taklimat yang disampaikan oleh Penolong Gabenor BNM, Dr. Norhana Endut, memberi tumpuan kepada cabaran struktur dan inflasi, serta prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Sarawak bagi 2025. Sorotan Sarawak termasuk pemulihan sektor pembinaan pasca pandemik, peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja (71.4%), dan ketergantungan eksport kepada komoditi. BNM turut memperkenalkan tiga indikator inflasi baharu: Everyday Price Index, Perceived Price Index, dan Core Inflation Index, bagi menggambarkan realiti kos sara hidup rakyat.

*Dr. Eva Kristin and Raine Melissa Riman attended BNM's economic briefing in Kuching, led by Assistant Governor Dr. Norhana Endut. The session highlighted Malaysia's 2025 outlook, inflation dynamics, and Sarawak's post-pandemic recovery trends. Key points included Sarawak's RM17.5B construction rebound, labour market improvements, persistent inflation, and efforts toward economic diversification. BNM introduced new inflation measures—EPI, PPI, and Core Inflation—to better reflect lived realities.*

## 23.4.2025 Lawatan Kerja Penyelaras Tempatan Baram

*Working Visit by Baram Local Coordinator*

65



Clement Langet, Penyelaras Tempatan bagi Baram, telah melawat Pejabat APPGM-SDG Sarawak untuk membincangkan cadangan pemetaan isu bagi kawasan Parlimen Baram. Pertemuan ini penting dalam memastikan keutamaan isu tempatan dikenal pasti secara inklusif dan strategik.

*Clement Langet, the Local Coordinator for Baram, visited the APPGM-SDG Sarawak Office for a discussion on his Issue Mapping Proposal. The meeting focused on ensuring that local priorities in Baram are identified in an inclusive and strategic manner.*

## 26.4.2025 Program Kebudayaan dan Tarian Masyarakat Melanau

*Melanau Cultural and Dance Programme*

66



Pejabat Wilayah Sarawak telah dijemput menghadiri Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil bagi Projek Y24-SP115 Program Kebudayaan dan Tarian Masyarakat Melanau (Fasa 3 Parlimen Tanjung Manis) di Dewan Sri Barong, SMK Belawai. Seramai 20 pelajar SMK Belawai telah mempersembahkan Tarian Etnik Kreatif dan Tarian Melanau yang dipelajari sepanjang program.

*The Sarawak Regional Office was invited to attend the closing and certificate presentation ceremony for Project Y24-SP115: Melanau Cultural and Dance Programme (Phase 3 for Tanjung Manis), held at Dewan Sri Barong, SMK Belawai. A total of 20 SMK Belawai students showcased the Tarian Etnik Kreatif and Tarian Melanau they had learned during the programme.*

27.4.2025

## Lawatan Kerja Penyelaras Tempatan Baram

*Working Visit by Baram Local Coordinator*

67






Pejabat Wilayah Sarawak telah dijemput menghadiri Majlis Penutupan Projek Fasa 3 Y24-SP241 Pertanian Moden Sistem Fertigasi yang berlangsung di Kampung Seberang, Debak, Betong. Seramai 10 orang peserta telah menyertai projek ini, menanam cili dan terung menggunakan sistem fertigasi.Projek ini telah menunjukkan komitmen tinggi daripada peserta serta hasil yang memberangsangkan dengan bimbingan rapat dari penyedia solusi. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Mohammad Razi, Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak merangkap ADUN N35 Saribas. Turut hadir, Temenggong Haji Piee Alwi dan En. Ahmad Arissa, Pegawai Pertanian Bahagian Betong.

*Sarawak Regional Office was invited to the closing ceremony of the Y24-SP241 Fertigation System Modern Agriculture Project (Phase 3, Betong), held at Kampung Seberang, Debak, Betong. The project involved 10 participants planting chilli and eggplant using fertigation techniques. The participants demonstrated strong enthusiasm and achieved positive outcomes through close guidance from the trainer. The ceremony was officiated by YB Datuk Haji Mohammad Razi, Deputy Minister of Community Wellbeing Development Sarawak and ADUN for N35 Saribas. Also present were Temenggong Haji Piee Alwi and Mr Ahmad Arissa, Agricultural Officer of Betong Division.*

28.4.2025

## Bimbingan Penyediaan Laporan Kemajuan Bulanan

*Guidance on Preparing Monthly Progress Report*

68



Corrin Alicia telah membimbing salah seorang Rakan Solusi di Sarawak yang mengunjungi pejabat Sarawak dalam penyediaan laporan kemajuan bulanan, termasuk laporan naratif, laporan kewangan, dan slaid pembentangan.

*Corrin Alicia guided one of Solution Providers at Sarawak who visited the Sarawak office on preparing the monthly progress report, including the narrative report, financial report, and presentation slides.*

## 29.4.2025 Perbincangan Strategik Pathways Chapter 2 (Projek Mukah)
*Strategic Meeting on Pathways Chapter 2 (Mukah Project)*

69




Rakan Solusi di Sarawak, Koh Poh Leong daripada The Culture Capital, telah mengunjungi pejabat Sarawak untuk mengadakan perbincangan strategik mengenai Pathways Chapter 2 (Fasa 2 projek Mukah).

*Solution Provider at Sarawak, Koh Poh Leong from The Culture Capital, visited our Sarawak office for a strategic meeting on Pathways Chapter 2 (Phase 2 of the Mukah project).*

## 30.4.2025 Kunjungan ke Tanoti Crafts
*Visit to Tanoti Crafts*

70




Corrin Alicia dan Fahmi Fazrin telah bertemu dengan Dato' Jacqueline Fong (Pengarah) dan Sharifah Masenah Montegrai (Pengurus Perhubungan Klien) dari Tanoti Crafts bagi meneroka potensi kerjasama sebagai Rakan Solusi bagi APPGM-SDG. Tanoti telah mencadangkan sebuah projek yang memperkenalkan penggunaan plastik kitar semula sebagai bahan anyaman—selaras dengan misi mereka untuk memperluas amalan lestari dalam kalangan komuniti. Projek ini menyasarkan pengusaha kraftangan di Rumah Kuchun Jabey, Saratok, yang sebelum ini telah menerima manfaat daripada Projek Fasa 1 dan Fasa 2. Cadangan ini bakal menjadi Fasa 3 bagi P205 Saratok, menekankan kesinambungan dan inovasi dalam teknik anyaman. Corrin turut memberi penerangan mengenai proses permohonan projek semasa pertemuan tersebut.

*Corrin Alicia and Fahmi Fazrin met with Dato' Jacqueline Fong (Director) and Sharifah Masenah Montegrai (Client Relationship Manager) of Tanoti Crafts to explore potential collaboration as a Solution Provider under APPGM-SDG. Tanoti proposed a project introducing recycled plastic as a weaving material—an initiative in line with their mission to expand sustainable practices within communities. The project targets the handicraft makers of Rumah Kuchun Jabey in Saratok, who have previously benefited from Phase 1 and Phase 2 initiatives. This new proposal would represent Phase 3 for P205 Saratok, ensuring project continuity while integrating innovative weaving techniques. Corrin also briefed them on the project application process during the discussion.*

# WILAYAH SABAH | SABAH REGION

**7.4.2025**

## Perjumpaan Penyelaras Tempatan Sabah - Jabatan Solusi Dasar

*Sabah Region Policy Solutions Meeting with Local Coodinators*

71



Fatimah, Pegawai Dasar Inisiatif Intervensi Dasar Wilayah Sabah telah mengadakan perjumpaan bersama Penyelaras Tempatan Sabah bagi membincangkan pelan awal penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Antara Agensi di peringkat daerah. Perbincangan ini adalah susulan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG Peringkat Negeri bersama SMJ dan Pegawai Daerah.

*Fatimah, Sabah Regional Policy Officer for the Policy Solutions initiative held a meeting with the Sabah Local Coordinator to discuss the initial work plan for establishing a District-Level SDG Committee. This follows the recent State-Level SDG Steering Committee Meeting with SMJ and District Officers.*

**21.4.2025**

## Kunjungan Hormat Pejabat Daerah dan Tanah Tenom dan Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Kemabong Tenom untuk Menubuhkan Jawatankuasa SDG

*Courtesy Visit to Tenom District Office and Kemabong Sub-District Office to Establish SDG Committee*

72







APPGM-SDG Sabah yang diwakili oleh Fazlina, Fatimah dan Shirley telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Tenom dan bertemu dengan ADO, Puan Christina. Lawatan ini diteruskan ke Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Kemabong Tenom untuk sesi pembentangan inisiatif Intervensi Dasar hasil kerjasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah. Puan ADO menyambut baik inisiatif ini dan menyatakan sokongan terhadap cadangan penubuhan Jawatankuasa SDG antara agensi peringkat daerah. Sebagai langkah susulan, satu mesyuarat dijadualkan pada Mei 2025 bagi memperincikan struktur organisasi, peranan serta pelan tindakan Jawatankuasa SDG yang bakal dibentuk. Lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Kemabong turut menjadi ruang memperkenalkan APPGM-SDG serta mengemaskini gerak kerja di Tenom.

*APPGM-SDG Sabah, represented by Fazlina, Fatimah, and Shirley, conducted a courtesy visit to the Tenom District Office and met with Assistant District Officer (ADO), Puan Christina. The visit continued to the Kemabong Sub-District Office where the team presented the Policy Intervention initiative — a joint effort between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah. The ADO welcomed the initiative and expressed full support for the establishment of a multi-agency District-level SDG Committee. As a follow-up, a meeting is scheduled for May 2025 to detail the committee's organizational structure, roles, and action plan. The visit to the Kemabong Sub-District Office also served as an introduction to APPGM-SDG's work and an opportunity to update the team's planned efforts in Tenom.*

**22.4.2025**

## Forum Cabaran & Pemerkasaan Orang Asal Sabah
*Forum on Indigenous Rights Empowerment*

73



Wakil APPGM-SDG Sabah, Janet, menghadiri forum anjuran SUHAKAM Sabah dan PACOS Trust bertemakan Cabaran Semasa dan Pemerkasaan Orang Asal Sabah. Forum ini membincangkan Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM dan prinsip I-MABT bagi perlindungan hak komuniti. Janet turut menyertai sesi Perbincangan Kumpulan Fokus yang meneliti isu dasar, pendidikan, dan hak Orang Asal, termasuk cadangan pelan tindakan setempat.

*APPGM-SDG Sabah representative, Janet, joined the SUHAKAM Sabah and PACOS Trust forum themed Current Challenges and Empowerment of Indigenous Peoples in Sabah. The forum discussed SUHAKAM's Inquiry Report and the FPIC principle to protect indigenous rights. Janet also participated in a Focus Group Discussion addressing policy gaps, education access, and legal-social issues, with local action plan proposals.*

**23.4.2025**

## Mesyuarat Dalaman Pasukan Sabah
*Sabah Team Internal Meeting*

74




Pasukan Sabah telah mengadakan mesyuarat dalaman untuk menyelaras pelaksanaan aktiviti akan datang serta memperincikan sasaran penyampaian mengikut peranan setiap ahli. Usaha ini penting bagi memastikan setiap gerak kerja berjalan lancar dan terarah mengikut objektif penyetempatan SDG di peringkat akar umbi.

*Sabah team held an internal meeting to coordinate upcoming activities and clarify the target deliverables for each member's role. This effort ensures smooth implementation and alignment with the objectives of localising the SDGs at the grassroots level.*

**23.4.2025**

## Perasmian Pusat Komuniti Kampung Tonsom, Kota Marudu
*Kampung Tonsom Community Centre Launch, Kota Marudu*

75



Satu lawatan rasmi sempena Perasmian Pusat Komuniti Kampung Tonsom telah berlangsung di Kota Marudu, menandakan langkah penting dalam pemerkasaan komuniti luar bandar melalui pendidikan, keusahawanan dan kraftangan berasaskan bahan semula jadi seperti kulit jagung. Majlis disempurnakan oleh En. Hassan bin Libau, Penolong Pegawai Daerah Kota Marudu, yang turut menyatakan komitmen untuk menyokong inisiatif pembangunan komuniti. Turut hadir mewakili APPGM-SDG ialah Fazlina, Fatimah dan Amirul.

*A special visit was held for the official launch of the Kampung Tonsom Community Centre in Kota Marudu — a community-driven initiative focused on education, entrepreneurship, and eco-crafts using natural materials like corn husk. The launch was officiated by En. Hassan bin Libau, Assistant District Officer, who expressed his support for grassroots development efforts. APPGM-SDG was represented by Fazlina, Fatimah, and Amirul.*

## 24.4.2025 Majlis Penutupan Projek Penternakan Ikan Tilapia Kaedah Bioflok dan Tenaga Solar serta Pelancaran Persatuan Komuniti Eko-Agro Kota Marudu

*Closing Ceremony of Tilapia Fish Farming Project Using Biofloc and Solar Energy & Launch of Kota Marudu Eko-Agro Community Association*

76





Janet dan Amirul dari APPGM-SDG telah menghadiri majlis penutupan projek di DD Horizons Agro Farm, Kampung Damai, Kota Marudu yang disempurnakan oleh YB Datuk Wetrom bin Bahanda, Ahli Parlimen Kota Marudu. Melalui projek ini, sebuah persatuan komuniti berjaya ditubuhkan dengan 10 peserta yang menjalankan penternakan ikan tilapia secara bioflok, disokong oleh tenaga solar. Kaedah ini bukan sahaja menjimatkan air dan kos, malah mengurangkan pencemaran serta memperkukuh amalan pertanian mampan. Hasil tuaian pertama mencatatkan 134.2 kilogram, membuktikan potensi projek dalam memperkasa ekonomi komuniti setempat.

*Janet and Amirul from APPGM-SDG attended the closing ceremony of the project held at DD Horizons Agro Farm, Kampung Damai, Kota Marudu, officiated by YB Datuk Wetrom bin Bahanda, Member of Parliament for Kota Marudu. This initiative successfully established the Eko-Agro Community Association, with 10 participants each managing their own fish tanks using biofloc farming methods, supported by solar energy. The biofloc system recycles fish waste into feed, reducing water use and pollution, while solar power ensures energy efficiency. The first harvest recorded 134.2 kilogram — a promising start for sustainable income generation.*

## 24.4.2025 Sesi Pemantauan dan Bimbingan Penambahbaikan Projek APPGM-SDG

*Monitoring and Technical Guidance Session for APPGM-SDG Project Improvement*

77







Satu sesi pemantauan dan bimbingan teknikal telah dijalankan di Kampung. Tambun, Kota Marudu oleh wakil Sekretariat APPGM-SDG, Amirul dan Jeanet, bersama Rakan Solusi daripada Mesra Infra, En. Jolius. Lawatan ini memberi fokus kepada penambahbaikan Laporan Akhir, penilaian pelaksanaan projek di lapangan, serta perbincangan berkaitan keberkesanan dan impak jangka panjang.

*A monitoring and improvement session was held in Kampung. Tambun, Kota Marudu by APPGM-SDG Secretariat representatives, Amirul and Jeanet, together with Solution Partner Mr. Jolius from Mesra Infra.The session aimed to provide technical guidance for the preparation of the Final Report, evaluate on-ground project progress, and propose improvements for long-term impact and sustainability.*

**24.4.2025**

## Program "Talk Time in the Classroom: A Practical Guide to Supporting Special Needs Language Development" di Kolej Vokasional Tawau

*Talk Time in the Classroom: A Practical Guide to Supporting Special Needs Language Development Programme at Kolej Vokasional Tawau*

78






Program "Talk Time in the Classroom: A Practical Guide to Supporting Special Needs Language Development" telah berlangsung dengan jayanya pada 26 April 2026 bertempat di Dewan Serbaguna Kolej Vokasional Tawau. Anjuran BCM Edu Consultant dengan kerjasama Kolej Vokasional Tawau (PAKK), program ini bertujuan memberi pendedahan awal dan maklumat terkini kepada para pendidik serta bakal guru pendidikan awal kanak-kanak mengenai pendekatan dan kaedah dalam menyokong kanak-kanak yang mengalami kelewatan pertuturan.

*The "Talk Time in the Classroom" program was successfully held on 26 April 2026 at the Multipurpose Hall of Kolej Vokasional Tawau. Organised by BCM Edu Consultant in collaboration with Kolej Vokasional Tawau (PAKK), the program aimed to provide up-to-date information and early exposure for educators and aspiring early childhood teachers on approaches to support children with delayed speech development.*

**24.4.2025**

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Lahad Datu

*Courtesy Visit to Lahad Datu District Office*

79





APPGM-SDG Sabah diwakili oleh Fatimah (Pegawai Dasar dan Penyelidikan) dan Siti Aisyah (Penyelaras Tempatan Sabah) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pegawai Daerah Lahad Datu, Tuan Firuz Idzualdeen @ Bennety Bin Mohd Dzul bagi membentangkan inisiatif Intervensi Dasar, hasil kerjasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah.

*APPGM-SDG Sabah, represented by Fatimah (Policy and Research Officer) and Siti Aisyah (Local Coordinator for Sabah), conducted a courtesy visit to the Lahad Datu District Officer, Tuan Firuz Idzualdeen @ Bennety Bin Mohd Dzul, to present the Policy Intervention initiative, a collaboration between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah.*

25.4.2025

## Mengukuh Jalinan Strategik Bersama IDS Sabah

*Strengthening Strategic Ties with IDS Sabah*

80



APPGM-SDG Sabah yang diwakili oleh Fazlina dan Fatimah telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Institut Pembangunan Sabah (IDS), yang turut dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah, Pengerusi IDS. Majlis ini menjadi platform penting untuk memperkukuh hubungan strategik antara APPGM-SDG dan IDS.

*APPGM-SDG Sabah, represented by Fazlina and Fatimah, attended the Open House event organized by the Institute for Development Studies (IDS) Sabah, officiated by YBhg. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah, the Chairperson of IDS. The event provided an important opportunity to strengthen strategic partnerships between APPGM-SDG and IDS*

25.4.2025

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Ranau

*Courtesy Visit to the Ranau District Office*

81





APPGM-SDG Sabah yang diwakili oleh Fazlina (Ketua Wilayah Sabah) dan Norita (Penyelaras Tempatan Sabah) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pegawai Daerah Ranau, Tuan Tinus bin Manggam. Kunjungan ini bertujuan untuk membentangkan inisiatif Intervensi Dasar hasil kerjasama APPGM-SDG bersama Yayasan Hasanah. Dalam pertemuan tersebut, Tuan Pegawai Daerah menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Ranau serta bersetuju untuk menggerakkan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat daerah. Mesyuarat susulan akan diadakan pada bulan Mei 2025 bagi memperincikan pelaksanaan yang dirancang.

*APPGM-SDG Sabah, represented by Fazlina (Sabah Zone Lead) and Norita (Local Coordinator), paid a courtesy visit to the District Officer of Ranau, Tuan Tinus bin Manggam, to present policy intervention initiatives under the collaboration between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah. During the session, the District Officer expressed his full support for the establishment of the Ranau District SDG Committee and agreed to mobilise SDG implementation at the district level. A follow-up meeting will be held in May 2025 to further outline the proposed implementation.*

**26.4.2025**

## Jamuan Makan Malam bagi program TEROKA @ Sabah
*TEROKA @ Sabah Dinner*

82





Wakil APPGM-SDG Sabah, Fazlina, telah menghadiri Jamuan Makan Malam bersama program TEROKA @ Sabah dan turut menyertai sesi simulasi yang merupakan sebahagian daripada inisiatif pemerkasaan belia. Program ini bertujuan membekalkan bakal pemimpin negara dengan alat, bimbingan dan pengalaman yang diperlukan untuk membangunkan kepimpinan masa depan.

*APPGM-SDG Sabah representative, Fazlina, attended the Dinner Reception with the TEROKA @ Sabah programme and participated in a leadership simulation session, as part of an initiative to empower youth. The programme aims to equip future leaders with the tools, guidance, and practical exposure necessary to shape the country's next generation of leadership.*

**28.4.2025**

## Parlimen Semporna: Pengutamaan Isu
*Semporna Parliament: Issue Prioritisation*

83




Sesi pengutamaan isu telah berlangsung bersama YB Dun Bugaya, Tuan Hj Jamil bin Datuk Hj Hamzah di Pejabat Warisan Parlimen Semporna. Fatimah dan Fazlina daripada pasukan penyelidik APPGM-SDG Sabah telah membentangkan hasil pemetaan isu Parlimen ini. Empat isu utama dikenal pasti: pengurusan sampah di perairan Semporna, dilema komuniti tanpa kerakyatan, pembangunan pelancongan komuniti, serta peningkatan kapasiti ibu tunggal dan suri rumah.

*An issue prioritisation session was held with YB Dun Bugaya, Tuan Hj Jamil bin Datuk Hj Hamzah at the Warisan Parliamentary Office in Semporna. Fatimah and Fazlina from the APPGM-SDG Sabah research team presented the findings from the constituency mapping. Four key issues were identified: waste management in Semporna's waters, the stateless community dilemma, community-based tourism, and capacity-building for single mothers and housewives*

## 28.4.2025 Majlis Perasmian CT-HUB dan Sambutan Hari Raya SATA

*CT-HUB Launch Ceremony and SATA Hari Raya Celebration*

84



Amirul, Janet dan Fiona telah mewakili APPGM-SDG Sabah dalam menghadiri Majlis Perasmian CT-HUB dan Sambutan Hari Raya anjuran Sabah Techpreneur Association (SATA) di Kingfisher, Sepanggar. Majlis ini turut menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk usahawan sosial serta rakan strategik SATA. Perasmian disempurnakan oleh Tuan Saverinus bersama rakan strategik lain. CT-HUB atau Crafting for Tomorrow Hub merupakan inisiatif berimpak tinggi yang memperkasakan komuniti melalui pembelajaran berasaskan kemahiran dan keusahawanan.

*Amirul, Janet, and Fiona represented APPGM-SDG Sabah at the CT-HUB Launch Ceremony and Hari Raya Celebration organised by the Sabah Techpreneur Association (SATA) in Kingfisher, Sepanggar. The event gathered various stakeholders including social entrepreneurs and SATA's strategic partners. The launch was officiated by Tuan Saverinus alongside other strategic collaborators. CT-HUB, or Crafting for Tomorrow Hub, is a high-impact initiative empowering communities through skill-based and entrepreneurial learning.*

## 28.4.2025 Parlimen Putatan: FGD Tambahan

*Putatan Parliament: Additional FGD*

85






APPGM-SDG telah menjalankan tiga sesi FGD tambahan di Kampung Lok Bonu, Kampung Ulu Putatan, dan Kampung Talang Taun bagi mengenal pasti isu setempat secara mendalam.Antara isu utama yang dibangkitkan termasuk banjir berulang akibat sistem perparitan yang lemah, gangguan bekalan air dan elektrik, pengurusan sampah tidak sistematik, dan ketiadaan balai raya serta kemudahan asas lain.Selain itu, penduduk turut menekankan keperluan perumahan PPR, cabaran ekonomi usahawan kecil, kekurangan ruang riadah, serta isu keselamatan dan status tanah. Ketidakyakinan terhadap pelantikan kepimpinan kampung turut memberi kesan kepada keberkesanan pembangunan komuniti.Sesi ini penting dalam memastikan suara akar umbi didengari serta dirangkum dalam penyelesaian berasaskan SDG yang inklusif dan mampan.

*APPGM-SDG conducted three additional FGDs in Kampung Lok Bonu, Kampung Ulu Putatan, and Kampung Talang Taun to gain deeper insight into grassroots challenges. Key issues raised include recurring floods due to poor drainage, prolonged water and electricity disruptions, unmanaged waste disposal, and lack of basic infrastructure such as community halls and streetlights. Residents also highlighted the urgent need for PPR housing, challenges faced by small-scale entrepreneurs, absence of recreational spaces, safety concerns, and unresolved land status. Trust issues related to politically-appointed village leadership further hinder effective community development. This engagement ensures that grassroots voices are included in inclusive and sustainable SDG-based solutions.*



# PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui pendekatan penyelidikan dasar, latihan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial, Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Akademi MySDG, dan Jabatan Solusi Dasar, Jabatan Advokasi Dasar**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Centre for Environment and Sustainability, MySDG Academy, and Policy Solutions Department, Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localization.*

*With strategic support from the Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.*

MySDG Centre
FOR SOCIAL INCLUSION

**7.4.2025**

## Sesi Panel mengenai Laporan Bank Dunia dan Kementerian Ekonomi – Pendekatan Baharu dalam Mengurangkan Ketidaksamarataan dan Meningkatkan Mobiliti di Malaysia

*Panel Session on World Bank and Ministry of Economy's Report - A Fresh Take on Reducing Inequality and Enhancing Mobility in Malaysia*

86









Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial telah menganjurkan sesi panel mengenai laporan terbaru yang dilancarkan oleh Bank Dunia dan Kementerian Ekonomi, A Fresh Take on Reducing Inequality and Enhancing Mobility in Malaysia. Sesi hibrid ini menampilkan panel yang terdiri daripada Dr. Teo Sue Ann, Dr. Teo Lee Ken, Nurrul Fazlina Osman, Raine Melissa Riman dan Debbie Ann Loh, yang berkongsi pandangan mengenai dapatan laporan tersebut berdasarkan kerja mereka bersama APPGM-SDG. Sesi ini dipengerusikan oleh Dr. Khairil Ahmad dan turut disertai oleh intervensi khas daripada Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Datuk Dr. Denison Jayasooria.

*MySDG Centre for Social Inclusion organized a panel session on the recently launched report by the World Bank and Ministry of Economy, A Fresh Take on Reducing Inequality and Enhancing Mobility in Malaysia. The hybrid session featured a panel comprising Dr. Teo Sue Ann, Dr. Teo Lee Ken, Nurrul Fazlina Osman, Raine Melissa Riman, and Debbie Ann Loh, who reflected on the report's findings based on their respective work with APPGM-SDG. The session was moderated by Dr. Khairil Ahmad and included special interventions from Dato' Sri Mustapa Mohamed and Datuk Dr. Denison Jayasooria.*

**10.4.2025**

## Mesyuarat AICHR dan ASEANPeoples@ASEAN2025 di Pulau Pinang

*AICHR and ASEANPeoples@ASEAN2025 Meeting in Penang*

87




Dr. Khairil Ahmad menghadiri mesyuarat bersama Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) dan Pusat Komas (sebagai Sekretariat ASEANPeoples@ASEAN2025). Pertemuan ini diadakan sempena Mesyuarat Khas AICHR 1/2025 di Pulau Pinang. Mesyuarat ini menyaksikan perbincangan terbuka dan interaktif tentang program keutamaan AICHR, aktiviti ASEANPeoples@ASEAN2025, serta perkembangan terkini hak asasi manusia di rantau ini. Semua wakil tetap dan alternatif AICHR dari negara anggota ASEAN, termasuk Timor Leste sebagai Pemerhati, turut hadir. Ia dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Edmund Bon Tai Soon, Pengerusi AICHR 2025.

*Dr. Khairil Ahmad attended a meeting between the ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) and Pusat Komas (as the Convening Secretariat of ASEANPeoples@ASEAN2025). The meeting was held in conjunction with the AICHR Special Meeting 1/2025 in Penang. The meeting fostered an open and interactive exchange on AICHR's priority programmes, ASEANPeoples@ASEAN2025 initiatives, and recent developments in human rights across the region. Representatives and Alternate Representatives from all ASEAN member states, including Timor Leste as an Observer, participated. It was chaired by H.E. Edmund Bon Tai Soon, AICHR Chair for 2025.*

**30.4.2025**

## Siri Syarahan Pemikiran dan Dasar Awam Ungku Aziz

*Ungku Aziz Thoughts and Public Policy Lecture Series*

88




Dr. Khairil telah menyampaikan syarahan umum bertajuk Equalising Opportunities in Malaysia: Local Rejoinders secara dalam talian sempena Siri Syarahan Pemikiran dan Dasar Awam Ungku Aziz anjuran Ungku Aziz Centre for Development Studies, Universiti Malaya. Sesi ini dimoderatorkan oleh Dr. Mahazril 'Aini Hj Yaakob dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan memberi perspektif tempatan terhadap keadilan peluang dalam konteks pembangunan Malaysia.

*Dr. Khairil delivered an online public lecture titled Equalising Opportunities in Malaysia: Local Rejoinders as part of the Ungku Aziz Thoughts and Public Policy Lecture Series, organised by the Ungku Aziz Centre for Development Studies, Universiti Malaya. The session was moderated by Dr. Mahazril 'Aini Hj Yaakob from Universiti Teknologi MARA (UiTM) and offered local perspectives on equal opportunity within Malaysia's development context.*

MySDG Centre
FOR ENVIRONMENT & SUSTAINABILITY

16.4.2025

## Kunjungan ke Yayasan Kepimpinan Perdana
*Visit to Perdana Leadership Foundation*

89




Anthony Tan telah bertemu dengan Puan Zarina Abu Bakar, Pengurus Besar Yayasan Kepimpinan Perdana di pejabat Yayasan tersebut di Putrajaya. Perbincangan mereka menyentuh potensi kerjasama dalam melaksanakan latihan SDG untuk PKS, selaras dengan usaha memperkasakan sektor perusahaan kecil dan sederhana dalam agenda pembangunan mampan negara.

*Anthony Tan met with Puan Zarina Abu Bakar, General Manager of Perdana Leadership Foundation, at the Foundation's office in Putrajaya. Their discussion explored potential collaboration to deliver SDG training for SMEs, in support of strengthening sustainable practices among small and medium enterprises across Malaysia.*

23.4.2025

## Aktiviti Blue Economy YSEALI
*YSEALI Blue Economy Activities*

90



Ira menyertai aktiviti penanaman semula pokok bakau sempena Bengkel Blue Economy YSEALI. Bakau memainkan peranan penting dalam ekosistem pantai, menyokong kelestarian stok ikan dan melindungi garis pantai daripada hakisan. Peserta turut melawat Pusat Pembangunan Marikultur Batam yang menumpukan kepada pembiakan ikan seperti siakap, kerapu, dan udang karang. Pusat ini juga menghasilkan benih ikan dan fitoplankton sebagai makanan akuakultur.

*Ira joined a mangrove replanting activity under the YSEALI Blue Economy Workshop, highlighting mangroves' role in coastal protection and fish stock sustainability. The group also visited the Batam Mariculture Development Centre, which cultivates species like snapper, grouper, and lobsters. The centre supplies fingerlings and phytoplankton, including Nannochloropsis, for aquaculture feed.*

**22.4.2025** **Bengkel Serantau Blue Economy**
*Blue Economy Regional Workshop*

91



Syadhira menghadiri hari pertama Bengkel Serantau Blue Economy di Batam, Indonesia, yang menampilkan pakar global membincangkan peranan ekonomi biru sebagai pemacu baharu pertumbuhan ASEAN. Antara dapatan menarik termasuk penemuan bahawa 60% sampah di pulau terpencil Indonesia berpunca dari kawasan lain, menekankan keperluan kerjasama serantau dalam pengurusan sisa marin. Selain itu, projek berasaskan rumpai laut berjaya menyerap sebanyak 61,488 tan karbon. Turut menarik perhatian ialah pembentangan dari Fiji mengenai Kawasan Perlindungan Marin serta penjelasan wakil Bursa Malaysia berkenaan pasaran karbon biru dan perbezaan antara pengurangan dan penyingkiran karbon. Majlis perasmian turut diserikan dengan ucapan maya oleh Duta Besar A.S. ke Indonesia, Kamala S. Lakhdhir.

*Syadhira from the MySDG Centre attended the first day of the Regional Blue Economy Workshop in Batam, Indonesia, which featured global experts discussing the role of the blue economy as a new driver of ASEAN's economic growth. Key takeaways included findings that 60% of waste on remote Indonesian islands originates from other regions, highlighting the need for regional cooperation in marine waste management. Additionally, a seaweed-based project successfully absorbed 61,488 tonnes of carbon. Other highlights included a presentation from Fiji on Marine Protected Areas and a representative from Bursa Malaysia who explained the blue carbon market and the difference between carbon reduction and removal. The opening ceremony also featured a virtual address by the U.S. Ambassador to Indonesia, Kamala S. Lakhdhir.*

**22.4.2025** **Bengkel Serantau Blue Economy**
*Blue Economy Regional Workshop*

92




Anthony Tan telah ditemubual secara dalam talian oleh Cik Vicky Leong, pelajar Sarjana Pengurusan Projek dari Universiti Malaya. Temubual ini adalah sebahagian daripada kajian tesis beliau yang menilai kebolehgunaan Kerangka Bahan Pekeliling (Circular Material Framework) dalam industri pembinaan. Anthony berkongsi pandangan tentang peluang dan cabaran dalam menerapkan prinsip ekonomi pekeliling secara sistemik dalam ekosistem pembinaan negara.

*Anthony Tan was interviewed online by Ms. Vicky Leong, a Master's candidate in Project Management at Universiti Malaya. The interview forms part of her research on the viability of the Circular Material Framework in Malaysia's construction sector. Anthony shared key insights on opportunities and systemic challenges in adopting circular economy principles within the construction industry.*

Akademi MySDG Academy × Corporate Communications Department

**7.4.2025**

## Mesyuarat Bersama International Youth Centre bagi Youth SDG Summit 2025

*Meeting with International Youth Centre for Youth SDG Summit 2025*

93



Philus dan Sapar telah mengadakan pertemuan bersama wakil Pusat Belia Antarabangsa (IYC) bagi perbincangan awal Youth SDG Summit 2025. IYC telah menjadi rakan strategik sejak 2021 dan komited untuk terus menyokong penganjuran serta inisiatif belia bersama APPGM-SDG tahun ini.

*Philus and Sapar met with representatives from the International Youth Centre (IYC) to discuss preparations for the Youth SDG Summit 2025. IYC has been a strategic partner since 2021 and remains committed to supporting the summit and youth initiatives with APPGM-SDG this year.*

**7.4.2025**

## Mesyuarat Rakan Strategik bagi Youth SDG Summit 2025

*Youth SDG Summit Partners Briefing for Malaysian-ASEAN 2025*

94




Philus dan Sapar telah mengadakan sesi libat urus bersama rakan strategik bagi penganjuran Youth SDG Summit 2025. Sidang kemuncak ini bakal berlangsung pada Mei 2025. Kolaborasi bersama pelbagai pihak adalah kunci dalam memastikan kejayaan program belia yang inklusif dan berimpak tinggi. APPGM-SDG amat menghargai sokongan berterusan daripada rakan-rakan strategik.

*Philus and Sapar met with strategic partners to discuss the upcoming Youth SDG Summit 2025. The summit will take place on May 2025 at the Secret Garden, 1 Utama. Collaborative efforts with diverse partners are key to ensuring an inclusive and impactful youth summit. APPGM-SDG truly values the continued support from all strategic partners.*

**8.4.2025**

## Mesyuarat bersama Mr. Philo Alto bagi Forum SDG-SSE ASEAN 2025

*Meeting with Mr. Philo Alto for ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

95



Zoel dan Hirza Atikah telah mengadakan mesyuarat bersama Mr. Philo Alto, Pengasas & Ketua Pegawai Eksekutif Asia Value Advisors (AVA), sebuah firma penasihat modal dermawan berpaksikan impak yang berpangkalan di Hong Kong. Mesyuarat ini membincangkan peranan beliau sebagai pembahas bagi Sesi 2 Forum SDG-SSE ASEAN 2025.

*Zoel and Hirza Atikah met with Mr. Philo Alto, Founder & CEO of Asia Value Advisors (AVA), a purpose-driven philanthropic capital advisory firm based in Hong Kong, to discuss his role as discussant in Session 2 of the ASEAN SDG-SSE Forum 2025.*

**9.4.2025**

## Penyerahan Penerbitan & Surat Penghargaan kepada Setiausaha Agung ESCAP

*Publication & Appreciation Letter Handed to UN ESCAP Secretary-General*

96



Datuk Dr. Denison telah menyerahkan penerbitan rasmi APPGM-SDG beserta surat penghargaan kepada YBhg Armida Salsiah Alisjahbana, Setiausaha Agung Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN ESCAP). Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan beliau terhadap Sidang Kemuncak SDG-SSE ASEAN yang bakal berlangsung pada 22 dan 23 Mei 2025.

*Datuk Dr. Denison presented APPGM-SDG's official publication and a letter of appreciation to YBhg Armida Salsiah Alisjahbana, Executive Secretary of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP). We extend our heartfelt thanks for her continued support of the upcoming ASEAN SDG-SSE Conference, scheduled for 22–23 May 2025.*

**9.4.2025**

## Taklimat Majalah Cecita oleh Pasukan Solusi

*Cecita Magazine Briefing by Solution Team*

97






Kezia telah memberi taklimat kepada Ara dan pasukan mengenai pelancaran majalah terbaru bertajuk Cecita, yang memaparkan impak daripada pelaksanaan Projek Solusi APPGM-SDG di seluruh negara. Majalah ini diterajui oleh Pasukan Solusi dengan sokongan Pasukan Komunikasi, sebagai usaha untuk menonjolkan kisah kejayaan dan kesan nyata inisiatif penyelesaian komuniti.

*Kezia briefed Ara and the team on the upcoming release of Cecita, a new magazine showcasing the impact generated through APPGM-SDG's Solution Projects across the country. Led by the Solution Team and supported by the Communication Team, this magazine aims to highlight success stories and real outcomes from our community-driven initiatives.*

**11.4.2025**

## Mesyuarat Persiapan Sidang Kemuncak Belia SDG Malaysia-ASEAN

*Preparatory Meeting for Malaysian-ASEAN Youth SDG Summit*

98



Unit Pembangunan Belia telah mengadakan mesyuarat bagi persiapan Malaysian-ASEAN Youth SDG Summit yang dijadualkan berlangsung pada 10 Mei 2025 di 1 Utama. Sidang kemuncak ini kini disokong oleh lebih 35 Rakan Strategik termasuk Pejabat PBB, KBS, IYC dan pasukan C4UN.

*The Youth Development Unit convened a planning meeting for the upcoming Malaysian-ASEAN Youth SDG Summit, scheduled for 10 May 2025 at 1 Utama. The summit has gained the support of over 35 Strategic Partners, including the UN Office, Ministry of Youth and Sports (KBS), IYC, and the C4UN team.*

11.4.2025 **Kunjungan Hormat ke Pejabat ANGKASA**
*Courtesy Visit to ANGKASA Office*

99



James Raj, Zoel dan Hirza Atikah telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat ANGKASA untuk bertemu YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hassan, Ahli Lembaga Pengarah ANGKASA dan Board of Cooperative Housing International (ICA).
Pertemuan ini membincangkan penglibatan beliau sebagai penceramah bagi Sesi 3 Forum ASEAN SDG-SSE 2025 yang akan datang.

*James Raj, Zoel, and Hirza Atikah paid a courtesy visit to ANGKASA to meet YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hassan, Board Member of ANGKASA and Cooperative Housing International (ICA). The discussion focused on his role as a speaker in Session 3 of the upcoming ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

14.4.2025 **Kerjasama Strategik bersama Selangor Youth Community (SAY)**
*Strategic Collaboration with Selangor Youth Community (SAY)*

100




Zoel, Sapar dan Philus telah mengadakan lawatan hormat ke pasukan Selangor Youth Community (SAY) bagi membincangkan kerjasama untuk Sidang Kemuncak SDG dan Bengkel Ejen SDG yang akan datang. Perbincangan turut menyentuh potensi sokongan bersama bagi inisiatif Ejen SDG melalui program Belia Juara SAY.

*Zoel, Sapar, and Philus paid a courtesy visit to the Selangor Youth Community (SAY) team in preparation for the upcoming SDG Summit and SDG Agent Workshop. The discussion explored potential collaboration in supporting the SDG Agent initiative through SAY's Belia Juara programme.*

16.4.2025

## Perbincangan Bersama Taylor's University Impact Labs
*Engagement with Taylor's University Impact Labs*

101




Zoel dan Philus telah menghadiri sesi taklimat bersama sekretariat Impact Labs di Taylor's University bagi meneroka potensi kerjasama dalam pembangunan dan mobilisasi belia untuk SDG. Perbincangan ini membuka ruang strategik ke arah kolaborasi bermakna bersama institusi pendidikan tinggi bagi memperkasa belia sebagai agen perubahan dalam agenda pembangunan mampan.

*Zoel and Philus met with the Taylor's University Impact Labs secretariat for a briefing session to explore a potential collaboration focused on youth development and SDG mobilisation. The discussion signalled a promising opportunity to work with higher education institutions in empowering youth as changemakers for sustainable development.*

16.4.2025

## Jamuan Raya di Pusat Belia Antarabangsa (IYC)
*IYC Raya Reception*

102




Kezia dan Philus mewakili APPGM-SDG menghadiri Jamuan Raya anjuran IYC. Kehadiran ini merupakan tanda penghargaan atas kerjasama erat bersama IYC sebagai rakan strategik dalam Sidang Kemuncak SDG Belia dan inisiatif pembangunan belia. Semoga jalinan ini terus kukuh demi memperkasa suara dan peranan belia dalam pembangunan lestari.

*Kezia and Philus represented APPGM-SDG at the Raya Reception hosted by the International Youth Centre (IYC). This event marked the continued partnership between APPGM-SDG and IYC in co-organising the Youth SDG Summit and advancing youth development initiatives. May this collaboration continue to grow in empowering young voices for sustainable development.*

**17.4.2025**

## Kemas Kini Program AIPA, Acara Sampingan APPGM-SDG

*APPGM-SDG Side Event Updates for AIPA Young Parliamentarians Programme*

103





Zoel dan Azhad telah menghadiri pertemuan bersama Tuan Abdul Hadi, Puan Sayani dan Tuan Kishen di Pejabat Speaker Parlimen bagi membincangkan perkembangan terkini acara sampingan APPGM-SDG sempena Program Ahli Parlimen Muda AIPA. Pertemuan ini bertujuan menyelaras penglibatan APPGM-SDG dalam program tersebut dan memastikan perancangan berjalan lancar serta berimpak selaras dengan objektif penyetempatan SDG di peringkat Parlimen.

*Zoel and Azhad had a meeting with Tuan Abdul Hadi, Puan Sayani, and Tuan Kishen at the Speaker's Office in Parliament to discuss and receive updates regarding the APPGM-SDG side event under the AIPA Young Parliamentarians Programme. The meeting aimed to coordinate APPGM-SDG's involvement and ensure smooth, impactful planning in line with the objectives of localising the SDGs within parliamentary settings.*

**18.4.2025**

## Perbincangan Bersama Taylor's University Impact Labs

*Engagement with Taylor's University Impact Labs*

104






Zoel telah mengadakan perbincangan bermakna bersama Joshua dari Malaysian Public Policy Competition (MPPC) — pertandingan dasar awam anjuran pelajar yang paling lama di Malaysia, yang memperkasa belia untuk merangka solusi dasar berdasarkan konteks sebenar. Pertemuan ini terhasil melalui hubungan yang dikongsikan oleh Anthony Tan. Terdapat sinergi besar untuk Akademi MySDG memperkukuh pembangunan kapasiti belia dalam advokasi dasar, dan menyelaras inisiatif ini dengan Bengkel Ahli Politik Muda melalui kerjasama strategik bersama platform ini.

*Zoel had an insightful discussion with Joshua from the Malaysian Public Policy Competition (MPPC) — the longest-running student-led policy competition in Malaysia, empowering youth to craft real-world policy solutions. This meeting, initiated through a connection by Anthony Tan, presents strong synergy for MySDG Academy to enhance youth capacity building in policy advocacy and align it with our Young Politicians Workshop through a strategic partnership with this platform.*

## 25.4.2025 Mesyuarat Jabatan Komunikasi Korporat & Akademi MySDG
*Corporate Communications Dept & MySDG Academy Meeting*

105



Mesyuarat kemajuan telah diadakan bagi membentangkan perkembangan peranan dan tanggungjawab masing-masing mulai April 2025. Sesi ini dipengerusikan oleh Iman dan turut disertai oleh Zoel yang memberikan maklum balas serta panduan berkaitan proses membuat keputusan dan pelaksanaan tugas.

*A progress meeting was held to update on respective roles and responsibilities from April 2025 onwards. The session, chaired by Iman, also included feedback and guidance from Zoel on decision-making processes and task execution.*

## 28.4.2025 Mesyuarat Penyelarasan ASEANPeoples 2025
*ASEANPeoples 2025 Coordination Meeting*

106




Hirza telah menghadiri mesyuarat anjuran Pusat KOMAS bagi mendapatkan perkembangan terkini tentang acara ASEANPeoples yang akan berlangsung di Wisma MCA, Kuala Lumpur. Akademi MySDG/APPGM-SDG bersama ASEC akan bekerjasama dalam satu kluster bertema “Keterangkuman dan Kemampanan dalam Ekonomi dan Pembangunan”. Dr. Victor Karunan dan Zoel turut hadir dalam mesyuarat ini.

*Hirza Atikah attended a meeting organized by Pusat KOMAS to receive the latest updates on the ASEANPeoples event, scheduled to take place at Wisma MCA, Kuala Lumpur. MySDG Academy/APPGM-SDG and ASEC will collaborate on a thematic cluster entitled “Inclusivity and Sustainability in Economy and Development”. Dr. Victor Karunan and Zoel also attended the meeting.*

## 28.4.2025 Pemakluman Terkini Permohonan Dana daripada Canada Fund for Local Initiatives
*Latest Update on Grant Application to the Canada Fund for Local Initiatives (CFLI)*

107



Cadangan MySDG Academy kepada Canada Fund for Local Initiatives (CFLI) telah berjaya melepasi peringkat saringan awal. Zoel telah bertemu dengan rakan serantau kami, The Global Centre for Pluralism (GCP) untuk memuktamadkan konsep program. Pasukan GCP dari Kanada telah memberikan sokongan yang amat memberangsangkan.

*MySDG Academy’s proposal to the Canada Fund for Local Initiatives (CFLI) has successfully passed the preliminary stage. Zoel met with our regional partner, The Global Centre for Pluralism (GCP) to finalise the programme concept. The GCP team from Canada has been incredibly supportive.*

22.4.2025

## Siri Ketiga & Terakhir Libat Urus Awam ASEAN SDG-SSE Forum 2025

*3rd & Final Online Public Engagement – ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

108



MySDG Academy, APPGM-SDG dan ASEC telah menganjurkan webinar bertemakan "Keamanan & Perkongsian", menampilkan Dr. Khairil Ahmad (Pengarah, MySDG Centre for Social Inclusion) dan dimoderatkan oleh Chandra Firmantoko (Penyelaras ASEC).
Webinar ini merupakan siri ketiga dan terakhir sebagai persiapan menjelang ASEAN SDG-SSE Forum 2025 yang akan berlangsung Mei ini. Dr. Khairil membentangkan cabaran dan kemajuan agenda Keamanan & Perkongsian di ASEAN, serta bagaimana SSE menyokong SDG 16 & 17 melalui pelbagai sasaran.

*MySDG Academy, APPGM-SDG, and ASEC hosted the final preparatory webinar for the upcoming ASEAN SDG-SSE Forum 2025 with the theme "Peace & Partnership". The session featured Dr. Khairil Ahmad (Director, MySDG Centre for Social Inclusion) and was moderated by Chandra Firmantoko (Coordinator, ASEC). Dr. Khairil shared insights on the challenges and progress in advancing Peace & Partnership in ASEAN, and how SSE supports SDG 16 & 17 through multiple targets.*

23.4.2025

## Taklimat SDG Agent oleh Philus

*SDG Agent Briefing by Philus*

109



Philus telah menyampaikan taklimat kepada barisan SDG Agent bagi persiapan bengkel dan sidang kemuncak akan datang. Pemerkasaan belia merupakan salah satu fokus APPGM-SDG kerana kami percaya bahawa belia adalah rakan kongsi penting dalam menyemarakkan penyetempatan SDG di peringkat komuniti. Mereka bukan hanya penerima manfaat, tetapi pemacu perubahan yang mampu mengetengahkan suara akar umbi dalam pembangunan mampan.

*Philus conducted a briefing for our SDG Agents in preparation for the upcoming workshop and summit. Youth empowerment is a focus of APPGM-SDG because we believe young people are our true partners in localising the SDGs at the grassroots level. They are not just beneficiaries — they are changemakers, amplifying community voices for sustainable development.*

28.4.2025

## Mesyuarat Kemas Kini Bersama ASEC bagi ASEAN SDG-SSE Forum 2025

*Update Meeting with ASEC on ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

110



Zoel, Hirza dan Iman telah menghadiri mesyuarat bersama pihak penganjur (ASEC & Dr. Victor Karunan) bagi membincangkan persiapan menjelang ASEAN SDG-SSE Forum yang akan berlangsung pada bulan Mei ini. Perbincangan tertumpu kepada pengurusan Sesi 5, yang akan dipengerusikan bersama oleh Dr. Benjamin R. Quinones Jr., serta penyelarasan acara sampingan dalam talian sempena High-Level Political Forum (HLPF) pada bulan Julai nanti.

*Zoel, Hirza Atikah and Iman had a meeting with the organising committee (ASEC & Dr. Victor Karunan) to discuss the preparation for the upcoming ASEAN SDG-SSE Forum in May. The discussion focused on the arrangement for Session 5, which will be co-chaired by Dr. Benjamin R. Quinones Jr., and the coordination of the online side event at the High-Level Political Forum (HLPF) in July.*

29.4.2025

## Mesyuarat Akademi MySDG X Pusat MySDG Alam Sekitar dan Kemampanan: Bengkel Rekabentuk Pemikiran dalam Ketahanan Iklim

*MySDG Academy X MySDG Centre for Environment & Sustainability: Design Thinking Workshop on Climate Resilience Meeting*

111



Wakil dari MySDG Academy dan MySDG CES telah mengadakan mesyuarat bersama Immad Ahmed (Pengasas Humanitarian Assistance Programme) bagi meneroka potensi kolaborasi bengkel yang menggunakan pendekatan design thinking dalam memperkasa komuniti menghadapi cabaran perubahan iklim. Immad sebelum ini merupakan penceramah bagi sesi 2nd Online Public Engagement (Planet) pada 25 Mac yang lalu. Kepakaran beliau dalam human-centred design (HCD) dan design thinking telah membolehkannya membangunkan penyelesaian dan memperkasa komuniti yang berdepan cabaran seperti perubahan iklim, konflik, dan ketidakstabilan ekonomi — termasuk komuniti pelarian Rohingya, belia, dan wanita.

*Representatives from MySDG Academy and MySDG CES held a meeting with Immad Ahmed (Founder of Humanitarian Assistance Programme) to explore potential collaboration for a workshop using design thinking to empower communities facing climate change challenges. Immad was previously a speaker during our 2nd Online Public Engagement (Planet) on 25 March. His expertise in human-centred design (HCD) and design thinking has enabled him to develop impactful solutions and empower vulnerable communities facing climate change, conflict, and economic instability — including Rohingya refugees, youth, and women.*

# PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION

**9.4.2025**

## Sesi Perkongsian Penemuan Terkini
*Sharing Session on Latest Findings*

112






APPGM-SDG telah menganjurkan sesi semakan dan perkongsian kemajuan bagi Pemetaaan Isu 2025 (Jan–Mac). Sesi yang berlangsung secara hibrid ini menghimpunkan penyelaras tempatan dari seluruh negara untuk membentangkan isu-isu utama, dapatan terkini, serta cadangan penyelesaian dari bawah. Perbincangan dibahagikan mengikut zon: Sarawak, Sabah, Utara, Pantai Timur, Selatan & Tengah — dengan maklum balas dan ulasan kritikal diberikan oleh penyemak berpengalaman seperti Datuk Dr. Denison, Puan Rahmah dan Dr. Ken.

*APPGM-SDG organized a review and progress sharing session for the 2025 Issue Mapping process covering the January to March period. This hybrid session gathered local coordinators from across Malaysia, including representatives from the Sabah and Sarawak regional offices and various zonal teams. Participants presented key issues, recent fieldwork findings, and bottom-up solution proposals. Discussions were organized by zone: Sarawak, Sabah, Northern, East Coast, Southern, and Central. Constructive feedback and critical commentary were provided by experienced reviewers such as Datuk Dr. Denison Jayasooria, Puan Nur Rahmah, Dr. Teo Sue Ann, and Dr. Khairil Ahmad.*

**11-13.4.2025**

## Bengkel Pengurusan Projek CBDP & IE
*CBDP & IE Project Management WorkshopSession on Latest Findings*

113



Tahniah diucapkan kepada pasukan CBDP dan pasukan IE yang telah berkampung selama 3 hari di Maluri bagi sesi pemantapan pengurusan projek. Sepanjang bengkel ini, pelbagai proses dan pembelajaran penting telah dilalui, yang bakal menyumbang kepada penambahbaikan pelaksanaan projek pada masa hadapan.

*Congratulations to the CBDP and IE teams for their full commitment during the 3-day workshop held in Maluri. The sessions covered critical project management processes and valuable learning points that will guide future improvements in our implementation strategies.*

16.4.2025

## Mesyuarat Bersama Ketua Zon/Regional APPGM-SDG
*Meeting with APPGM-SDG Zone/Regional Heads*

114



Pertemuan ini menghimpunkan Ketua Zon dan Ketua Wilayah APPGM-SDG bagi menyelaras hala tuju pelaksanaan program di kawasan masing-masing. Mesyuarat ini turut memberi ruang untuk Ketua Zon berkongsi cabaran, kejayaan serta perancangan terkini.

*This meeting brought together APPGM-SDG Zone and Regional Heads to align the direction of programme implementation across constituencies. It also served as a platform for sharing challenges, success stories, and upcoming plans.*

17.4.2025

## Persediaan Sesi Pembangunan Kapasiti CB Pasir Puteh & Besut
*Preparations for CB Capacity Building Sessions in Pasir Puteh & Besut*

115





Pasukan Pembangunan Kapasiti APPGM-SDG telah menjalankan beberapa sesi perbincangan bersama penyelidik bagi menetapkan tarikh pelaksanaan pembangunan kapasiti mengikut zon dan wilayah sehingga Oktober 2025. Bagi persiapan minggu hadapan, sesi taklimat khas bagi Pembangunan Kapasiti di Pasir Puteh dan Besut turut diadakan bersama Dr. Siti dan Aisyah.

*APPGM-SDG Capacity Building team has held several discussions with researchers to finalise the Capacity Building (CB) implementation dates across zones and regions up to October 2025. In preparation for next week, a briefing session for CB in Pasir Puteh and Besut was also conducted together with Dr Siti and Aisyah.*

**22.4.2025**

## Pembangunan Sistem Baharu bersama Andruga Media
*New System Development with Andruga Media*

116



Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen dan Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat bersama Encik Chandru dan Cik Gaya dari Andruga Media bagi membincangkan pembangunan sistem pangkalan data baharu yang disesuaikan dengan keperluan operasi kedua-dua jabatan.

*The Constituency Coordination Department and Policy Solution Department held a meeting with Mr. Chandru and Ms. Gaya from Andruga Media to discuss the development of a new system database tailored to the operational needs of both departments.*

**28.4.2025**

## Sesi Perbincangan dengan Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen
*Discussion Session with Constituency Coordination Department*

117



Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen dan Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat bersama Encik Chandru dan Cik Gaya dari Andruga Media bagi membincangkan pembangunan sistem pangkalan data baharu yang disesuaikan dengan keperluan operasi kedua-dua jabatan.

*The Constituency Coordination Department and Policy Solution Department held a meeting with Mr. Chandru and Ms. Gaya from Andruga Media to discuss the development of a new system database tailored to the operational needs of both departments.*

**28.4.2025**

## Sesi Perbincangan dengan Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen
*Discussion Session with Constituency Coordination Department*

118



Dr. Ken telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SDG yang pertama untuk tahun 2025, yang dipengerusikan oleh Dato' Ts. V. Valluvan Veloo, Timbalan Ketua Setiausaha (Makro), Kementerian Ekonomi di Hotel Zenith, Putrajaya. Antara agenda mesyuarat adalah pembentukan struktur dan terma rujukan Jawatankuasa SDG Khas Negara, laporan kementerian-kementerian peneraju untuk suku keempat tahun 2024, dan perbincangan memperhalusi bidang fokus SDG untuk tahun 2025.

*Dr. Ken attended the first SDG Technical Committee meeting for 2025, chaired by Dato' Ts. V. Valluvan Veloo, Deputy Secretary General (Macro), Ministry of Economy, at Hotel Zenith, Putrajaya. The meeting agenda included the formation of the structure and terms of reference for the National Special SDG Committee, the report from leading ministries for the fourth quarter of 2024, and discussions to refine SDG focus areas for 2025.*

# JABATAN PENGURUSAN PROJEK |
# PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

**8.4.2025**

## Sesi Penerangan Projek Keterjaminan Makanan 2025
*Food Security Project 2025 Briefing Session*

119






Satu sesi taklimat berkaitan keterjaminan makanan telah dikendalikan oleh pasukan FS dengan kehadiran 28 orang peserta. Shai, Dana, Darsh dan Rose turut serta dalam sesi ini dan berkongsi pandangan penting bagi memperkukuh pemahaman tentang isu Sifar Kebuluran dan keterjaminan makanan di peringkat komuniti.

*A food security briefing session was conducted by the FS team with 28 participants in attendance. Shai, Dana, Darsh, and Rose participated and shared key perspectives to strengthen understanding of Zero Hunger and community-level food assurance.*

**9.4.2025**

## Mesyuarat Lembaga Koperasi SDG Pertama
*1st SDG Cooperative Board Meeting*

120






Mesyuarat Lembaga Koperasi SDG yang pertama telah diadakan bagi membincangkan hala tuju strategik penubuhan koperasi ini sebagai pemacu penyelesaian berasaskan komuniti di bawah kerangka SDG.

*The first SDG Cooperative Board Meeting was held to discuss the strategic direction of this newly formed cooperative as a driver for community-based solutions under the SDG framework..*

11-13.4.2025

## Bengkel Penilaian Impak SDG & Penulisan Laporan – Kuala Lumpur

*SDG Impact Evaluation & Report Writing Workshop*

121



Bengkel dua hari telah diadakan di Hotel Maluri bagi menilai impak projek-projek 2024 dan memuktamadkan laporan pelaksanaan. Sesi ini turut melibatkan proses pemadanan dapatan bersama rakan pelaksana untuk tujuan pengesahan dan dokumentasi.

*A two-day workshop was held at Hotel Maluri to evaluate the impact of 2024 projects and finalise implementation reports. The session included validation of findings with implementing partners to ensure accurate and meaningful documentation.*

10, 14, 16,17.4.2025

## Mesyuarat Pemantauan Bulanan – Unit Projek Keterjaminan Makanan

*Monthly Monitoring Meeting – Food Security Project Unit*

122



Mesyuarat Pemantauan Bulanan bagi Unit Projek Keterjaminan Makanan telah dijalankan secara dalam talian selama empat hari iaitu pada 10, 14, 16 dan 17 April 2025. Mesyuarat ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai unit iaitu Dana, Shai, Darsh, Rose, Tiya, Corrin & Janet. Tujuan utama mesyuarat adalah untuk memantau kemajuan pelaksanaan projek serta mengenal pasti cabaran dan isu semasa di peringkat lapangan. Seramai 66 orang rakan solusi dari pelbagai wilayah dan zon telah mengambil bahagian, menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara. Antara perkara yang dibincangkan termasuk kemas kini pelaporan projek, perkongsian amalan terbaik, serta cadangan penambahbaikan pelaksanaan berdasarkan dapatan semasa. Sesi ini turut berperanan sebagai platform penting bagi menyelaras tindakan antara pihak pusat dan wilayah, memastikan kelancaran pelaksanaan dan pencapaian objektif jangka pendek serta panjang.

*The Monthly Monitoring Meeting for the Food Security Project Unit was held online over four days—10th, 14th, 16th, and 17th April 2025. The sessions were led by unit officers Dana, Shai, Darsh, Rose, Tiya, Corrin & Janet. The main objective was to monitor project implementation progress and identify ongoing challenges at the field level. A total of 66 solution partners from various regions and zones across the country participated, reflecting strong commitment to strengthening national food security. Key discussions included project reporting updates, sharing of best practices, and proposed improvements based on current findings. The meeting served as an important platform for aligning actions between central and regional teams, ensuring smooth implementation and the achievement of both short- and long-term goals.*

**21.4.2025**

## Taklimat Projek Keterjaminan Makanan

*Food Security Briefing Session*

123






Sesi Taklimat Projek Keterjaminan Makanan telah dikendalikan oleh Unit Keterjaminan Makanan dengan penyertaan seramai 27 peserta. Turut hadir dalam sesi ini ialah Cik Shaidatul, Cik Dana, Cik Darshini, Cik Rose, dan Puan Fatehah. Sesi ini menjadi platform penting bagi memperkukuh pemahaman para peserta terhadap strategi keterjaminan makanan di peringkat komuniti, selain membuka ruang kepada perkongsian pandangan serta penambahbaikan pelaksanaan projek di lapangan.

*The Food Security Project Briefing Session was conducted by the Food Security Unit with the participation of 27 attendees. Among those present were Ms. Shaidatul, Ms. Dana, Ms. Darshini, Ms. Rose, and Madam Fatehah. This session served as an important platform to strengthen participants' understanding of community-level food security strategies, while also providing space for the exchange of ideas and improvements in project implementation on the ground.*

**23.4.2025**

## Taklimat Projek Keterjaminan Makanan

*Food Security Briefing Session*

124



Unit CBDP telah mengadakan mesyuarat bersama Pengarah PMD, Ara, bagi membincangkan kemas kini utama. Walaupun Projek 2023 berdepan beberapa cabaran, kebanyakan sasaran berjaya dicapai. Perkembangan terkini Projek 2024 dan cadangan untuk Projek 2025 turut dikongsikan. Bayaran geran kepada penerima manfaat sedang dilaksanakan, dengan beberapa kes masih dalam tindakan susulan. Kemas kini mengenai geran CSO serta inisiatif YC/NP turut dibentangkan.

*The CBDP Unit held a meeting with PMD Director Ara to discuss key updates. Despite some challenges in Project 2023, most targets were successfully achieved. Ongoing updates on Project 2024 and upcoming proposals for 2025 were shared. Beneficiary grant payments are in progress, with pending cases under follow-up. Updates on the CSO grant and YC/NP initiatives were also provided.*

**23.4.2025**

## Mesyuarat Unit Keterjaminan Makanan
*Food Security Unit Meeting*

125



Unit Keterjaminan Makanan—Dana, Darshini, Tiya, dan Shai—telah mengadakan mesyuarat strategik bersama Pengarah PMD, Ara, bagi menilai kemajuan projek sepanjang tahun 2023, 2024 dan 2025. Sesi ini memberi tumpuan kepada pencapaian utama, inisiatif semasa, dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan. Janet, Pegawai Wilayah Sabah, turut berkongsi pandangan berharga dari perspektif wilayah.

*Food Security Unit team—Dana, Darshini, Tiya, and Shai—held a strategic meeting with PMD Director, Ara, to review project progress across 2023, 2024, and 2025. The session focused on key milestones, ongoing initiatives, and challenges encountered during implementation. Janet, the Sabah Regional Officer, also contributed valuable regional insights.*

**28.4.2025**

## Lawatan Keterjaminan Makanan: Y24-KK044 “Pengusahaan Cendawan Tiram Kelabu” & Y24-KK147 “Greenedu Farm Melalui Pertanian Organik”
*Food Security Visit: Y24-KK044 “Grey Oyster Mushroom Cultivation” & Y24-KK147 “Greenedu Farm Through Organic Farming”*

126



Sesi Taklimat Projek Keterjaminan Makanan telah dikendalikan oleh Unit Keterjaminan Makanan dengan penyertaan seramai 27 peserta. Turut hadir dalam sesi ini ialah Cik Shaidatul, Cik Dana, Cik Darshini, Cik Rose, dan Puan Fatehah. Sesi ini menjadi platform penting bagi memperkukuh pemahaman para peserta terhadap strategi keterjaminan makanan di peringkat komuniti, selain membuka ruang kepada perkongsian pandangan serta penambahbaikan pelaksanaan projek di lapangan.

*The Food Security Project Briefing Session was conducted by the Food Security Unit with the participation of 27 attendees. Among those present were Ms. Shaidatul, Ms. Dana, Ms. Darshini, Ms. Rose, and Madam Fatehah. This session served as an important platform to strengthen participants’ understanding of community-level food security strategies, while also providing space for the exchange of ideas and improvements in project implementation on the ground.*

# JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTIONS DEPARTMENT

## 8.4.2025 Taklimat Penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah & Halatuju

*Briefing on District-level SDG Committees & Way Forward*

127



Satu sesi taklimat telah diadakan kepada Penyelaras Tempatan bagi memberi panduan tentang penganjuran Mesyuarat Jawatankuasa SDG peringkat daerah serta strategi penyaluran input ke peringkat kementerian dan halatuju seterusnya. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Solusi Dasar, Paniir, dan dihadiri oleh 40 peserta dari seluruh negara. Sesi ini memperkukuh kefahaman peranan penyelaras tempatan dalam penyetempatan SDG secara berstruktur dan berimpak tinggi.

*A briefing session was held for Local Coordinators to provide guidance on organizing District-level SDG Committee Meetings, strategies for channeling input to the ministerial level, and the way forward. The session was presented by Paniir, Director of the Policy Solutions Department, and attended by 40 participants nationwide. This session reinforced the critical role of Local Coordinators (LCs) in structured and high-impact SDG localisation efforts.*

## 8.4.2025 Mesyuarat Persiapan Latihan Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan

*Preparation Meeting for Local Coordinators Capacity Building Training*

128



Mesyuarat persiapan telah diadakan bagi Latihan Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan yang akan berlangsung dari 15 hingga 17 April 2025. Latihan ini akan memberi tumpuan kepada kajian kemiskinan serta modul pembangunan kapasiti untuk komuniti dan agensi kerajaan. Persediaan rapi ini adalah langkah penting dalam memperkukuh pelaksanaan penyetempatan SDG yang inklusif dan berasaskan data.

*A preparation meeting was held for the upcoming Local Coordinators Capacity Building Training scheduled from 15 to 17 April 2025. The training will focus on poverty studies and capacity building modules for communities and government agencies. This preparation marks a key step in strengthening inclusive, data-driven SDG localisation.*

**28-29.4.2025**

## Bengkel Pembangunan Kapasiti Bersama Penyelaras Tempatan Baharu

*The Capacity Building Workshop With The New Local Coordinators*

129





APPGM-SDG melalui Jabatan Solusi Dasar sedang menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Penyelaras Tempatan di RUANG @ APPGM-SDG. Bengkel ini menghimpunkan 11 Penyelaras Tempatan baharu dari Zon Utara, Pantai Timur, Selatan dan Tengah. Sesi ini bertujuan memberikan gambaran menyeluruh tentang inisiatif ini, matlamatnya, tugasan utama, serta peranan dan tanggungjawab Penyelaras Tempatan dalam memperkasa pembangunan komuniti setempat.

*APPGM-SDG, through the Policy Solutions Department, is currently organizing the Local Coordinator Capacity Building Workshop at Ruang Komuniti MySDG from today until tomorrow. The workshop gathers 11 newly appointed Local Coordinators from the Northern, East Coast, Southern, and Central zones. The session aims to provide a comprehensive overview of the initiative, its goals, key tasks, and the roles and responsibilities of Local Coordinators in empowering local community development.*

**28.4.2025**

## Mesyuarat dengan Pusat MySDG Alam Sekitar dan Kemampanan

*Meeting with MySDG Centre for Environment and Sustainability*

130





Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat bersama MySDG Centre for Environment and Sustainability untuk memperkenalkan peranan dan tanggungjawab kedua-dua pihak, terutamanya dalam inisiatif intervensi dasar. Sesi ini juga menjadi platform untuk meneroka potensi kerjasama dan memperkukuh perkongsian bagi inisiatif masa hadapan.

*The Policy Solution Department held a meeting with the MySDG Centre for Environment and Sustainability to introduce the roles and responsibilities of both PSD and MySDG-CES, especially in policy intervention initiatives. The session also served as a platform to explore potential areas for collaboration and strengthen partnerships for future initiatives.*

# JABATAN ADVOKASI DASAR |
# POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

**11.4.2025**

## Perbincangan Pakar: Keterjaminan Makanan & Tadbir Urus Rantaian Nilai
*Expert Discussion: Food Security & Value Chain Governance*

131



Dr. Sue, Lydia, Anu dan Nadzmi telah mengadakan perbincangan bersama Dr. Jain, pakar rujuk bagi Sabah, bagi membincangkan fokus utama untuk Laporan Dasar Kemiskinan akan datang. Laporan ini akan memberi tumpuan khusus kepada komuniti pulau kecil di Sabah, dengan meneliti isu berkait seperti keterjaminan makanan, ketiadaan kewarganegaraan dan kelangsungan hidup.

*Dr. Sue, Lydia, Anu, and Nadzmi met with Dr. Jain, the subject expert for Sabah, to outline the focus areas for the upcoming Poverty Policy Report. The Sabah paper will specifically highlight small island communities, addressing intersecting challenges such as food security, statelessness, and livelihoods.*

**11.4.2025**

## Perbincangan Awal Laporan Dasar Sabah – Komuniti Pulau Kecil
*Preliminary Discussion on Sabah Policy Report – Small Island Communities*

132



Pasukan PAU telah mengadakan sesi libat urus bersama pakar keterjaminan makanan, Dr. John. Perbincangan tertumpu kepada hala tuju susulan Perbincangan Meja Bulat sebelum ini, khususnya dalam meneroka tadbir urus rantaian nilai selaras dengan perubahan semasa ekonomi global yang dijangka memberi kesan kepada Malaysia. Fokus ini dijangka memperkukuh ketepatan dan keutuhan laporan dasar yang akan datang.

*The PAU team held a focused discussion with food security expert Dr. John. The session followed up on previous Roundtable Discussions, exploring value chain governance in light of global economic shifts expected to impact Malaysia. This direction aims to enrich the relevance and depth of upcoming policy reports.*

**11.4.2025**

## Perbincangan Awam “Road to ASEAN Vision 2025: When Expectations Meet Reality”
*Public Discussion “Road to ASEAN Vision 2025: When Expectations Meet Reality”*

133



Lydia, Nuha, dan Nadzmi telah menghadiri perbincangan awam bertajuk “Road to ASEAN Vision 2025: When Expectations Meet Reality” yang dianjurkan oleh Komuniti Dasar Luar Indonesia (FPCI). Sesi ini dirasmikan oleh Dr. Dino Patti Djalal, Pengerusi FPCI, dan disertai oleh panel-panel terkemuka termasuk YBhg. Datuk Seri Shamsul Iskandar, Dr. Jayant Menon, dan Duta Nelson Santos.

*Lydia, Nuha, and Nadzmi, attended the public discussion titled “Road to ASEAN Vision 2025: When Expectations Meet Reality,” organized by the Foreign Policy Community of Indonesia (FPCI). The session was officiated by Dr. Dino Patti Djalal, Chairman of FPCI, and featured distinguished panelists including YBhg. Datuk Seri Shamsul Iskandar, Dr. Jayant Menon, and Ambassador Nelson Santos.*

# PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

**7.4.2025**

## Hari Raya Aidilfitri Open House at RUANG @ APPGM-SDG
*Hari Raya Aidilfitri Open House at RUANG @ APPGM-SDG*

134



APPGM-SDG telah mengadakan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di RUANG @ APPGM-SDG yang dihadiri oleh ahli jawatankuasa APPGM-SDG, EXCO persatuan, serta pegawai dari sekretariat Rahmah. Rumah terbuka ini turut disertai oleh rakan-rakan dalam gabungan CSO.

*APPGM-SDG held a Hari Raya Aidilfitri Open House at RUANG @ APPGM-SDG, attended by APPGM-SDG committee members, society EXCO, and officers from the Rahmah secretariat. The open house was also graced by CSO alliance partners.*

**9.4.2025**

## Taklimat Latihan Pembangunan Kapasiti kepada Datuk Denison & Puan Rahmah
*Briefing on Capacity Building Activities to Datuk Denison & Puan Rahmah*

135



Hazwan dan Sabrina telah memberi taklimat kepada Datuk dan Rahmah mengenai Latihan Penyelaras Tempatan (LC) yang akan berlangsung pada 15–17 April. Perbincangan memberi tumpuan khusus kepada aktiviti yang dijadualkan pada hari pertama program.

*Hazwan and Sabrina briefed Datuk and Rahmah on the upcoming Local Coordinator (LC) Training, scheduled from 15–17 April. The discussion focused specifically on the team building activity planned for the first day of the programme.*

**9.4.2025**

## Sesi Perkongsian Pelaksanaan E-Invois
*Sharing Session on Implementation of E-Invoicing*

136



Latihan dalaman bagi pelaksanaan E-Invois sedang berjalan dengan penyertaan seramai 13 orang staf daripada pelbagai pasukan dan unit kewangan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha ke arah pemantapan pengurusan kewangan dan kesediaan pematuhan digital.

*The internal training on E-Invoicing implementation is currently in progress, attended by 13 staff members from various teams and the finance unit. This initiative marks an important step towards strengthening financial management and digital compliance readiness.*

26.4.2025

## Sesi Penerokaan HRDC (Hari Terbuka) dan Kemas Kini Permohonan
*HRDC Open Day Exploration and Application Update*

137



Satu sesi penerokaan bersama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDC) telah dijalankan, memberi pencerahan mengenai keperluan di bawah Peraturan Pendaftaran Majikan dan Pembayaran Levi 2001, yang mewajibkan semua organisasi dengan lebih 10 pekerja untuk menyumbang kepada levi HRDC. Pelbagai manfaat disediakan termasuk akses kepada latihan, bengkel, dan program pembangunan lain melalui penyedia latihan berdaftar HRDC. Pada masa ini, permohonan melalui Borang 1 telah dihantar dan sedang dalam proses penilaian.

*An exploratory session with HRDC was completed, highlighting the requirements under the Registration of Employers and Payment of Levy Regulation 2001, which mandates all organizations with more than 10 employees to contribute to the HRDC levy. Numerous benefits come with this contribution, including access to trainings, workshops, and development programs through HRDC-registered training providers. At this stage, our application via Form 1 has been submitted and is currently under evaluation.*

30.4.2025

## Lawatan Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL)
*Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL) Advisor's Regular Visit*

138





YBhg. Dato' Sri Mustapha, Penasihat PPMPL, hadir ke pejabat APPGM-SDG bagi sesi semakan berkala bersama pasukan sekretariat. Dalam sesi ini, beliau memberikan nasihat strategik dan maklum balas terhadap kemajuan pelaksanaan program-program yang sedang berjalan.

*YBhg. Dato' Sri Mustapha, Advisor of PPMPL, visited the APPGM-SDG office for his regular check-in with the Secretariat team.He provided strategic advice and valuable feedback on the ongoing progress of current initiatives.*

30.4.2025

## Mesyuarat Sinergi Pertama Akademi MySDG x Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial x Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Kemampanan
*First Synergy Meeting – MySDG Academy x MySDG Centre for Social Inclusion x MySDG Centre for Environment and Sustainability*

139



Akademi MySDG, Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial (CSI) dan Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Kemampanan (CES) telah mengadakan mesyuarat sinergi pertama bagi berkongsi perkembangan pasukan masing-masing serta meneroka potensi kerjasama strategik.

*The MySDG Academy, MySDG Centre for Social Inclusion (CSI), and MySDG Centre for Environment and Sustainability (CSE) held their first synergy meeting to share team updates and explore strategic partnership opportunities.*



# SDG 17
# KERJASAMA UNTUK MATLAMAT |
# SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat menjadi teras kepada pelaksanaan APPGM-SDG, di mana **kerjasama strategik dengan pelbagai pihak—termasuk Parlimen, agensi kerajaan, universiti, masyarakat sivil, dan sektor swasta—**digembleng untuk memperkukuh pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan ini, pelbagai jalinan kerjasama baharu telah dimeterai dan diperluas, membina ekosistem pelaksana yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kerjasama ini**, memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan demi mencapai impak kolektif.**

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The Headquarters plays a vital role in coordinating these partnerships**, ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact.***

# SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

**8.4.2025**

## Penyertaan di Forum Kewangan ASEAN 2025
*ASEAN Finance Forum 2025 Participation*

140




Hajar telah menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN 2025, menyertai forum bertajuk "Inclusive Financial Well-Being: The Role of Financial Capability and Social Finance." Forum ini menghimpunkan pemimpin pemikiran dan pakar serantau untuk membincangkan peranan penting strategi kebangsaan serta inisiatif keupayaan kewangan dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan masyarakat.

*Hajar took part in the ASEAN Finance Ministers' and Central Bank Governors' Meeting 2025, where she attended a forum titled "Inclusive Financial Well-Being: The Role of Financial Capability and Social Finance." The session brought together leading experts to explore how national strategies and financial capability initiatives can improve financial well-being.*

**8.4.2025**

## Rakan Perkongsian Mempercepatkan SDG
*Partners in Accelerating SDGs*

141



APPGM-SDG berbesar hati menerima kehadiran wakil daripada 14 organisasi dan jabatan dalam sesi penglibatan khas pada 8 April. Terima kasih kepada Universiti Malaya selaku tuan rumah atas kerjasama dan sokongan padu. Sesi ini menandakan langkah penting dalam membina Perkongsian Strategik untuk mempercepatkan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui kerjasama pelbagai pihak – dari sektor akademik, pertubuhan masyarakat sivil hingga ke agensi pelaksana dasar.

*APPGM-SDG was honoured to host 14 organisations and departments on 8 April in a dedicated engagement session. Special thanks to University of Malaya for hosting and supporting this effort. This session marks a meaningful step toward building Strategic Partnerships to accelerate SDG implementation through cross-sectoral collaboration—from academia and CSOs to policy implementers.*

**9.4.2025**

## Pelancaran Buku & Syarahan: The Tamils – A Portrait of a Community
*Book Launch & Lecture: The Tamils – A Portrait of a Community*

142



Dr Nirmala Lekhmanan telah melancarkan buku terbarunya The Tamils: A Portrait of a Community di Fakulti Seni, Universiti Malaya, disertai dengan syarahan istimewa mengenai warisan dan identiti masyarakat Tamil. Majlis ini turut dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Darshini dan Karuppiah.

*Dr Nirmala Lekhmanan launched her latest book, The Tamils: A Portrait of a Community, at the Faculty of Arts, Universiti Malaya, accompanied by a special lecture on Tamil heritage and identity. The event was attended by APPGM-SDG representatives Darshini and Karuppiah.*

**10.4.2025**

## FGD Strategi Perbandaran Petaling Jaya 2035
*Petaling Jaya Urban Strategy FGD 2035*

143




Dr Teo Lee Ken telah menghadiri sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Le Meridien, Petaling Jaya. Bengkel ini bertujuan mengumpul input strategik bagi pembangunan Rancangan Tempatan Petaling Jaya sehingga tahun 2035, melibatkan penyertaan agensi kerajaan, jabatan negeri dan tempatan, serta organisasi masyarakat sivil dan awam.

*Dr Teo Lee Ken participated in a Focus Group Discussion (FGD) hosted by the Petaling Jaya City Council (MBPJ) at Le Meridien, Petaling Jaya. The session aimed to gather strategic input for the Petaling Jaya Local Plan 2035 and involved various government agencies, local/state departments, and civil society organisations.*

**10.4.2025**

## Perbincangan Kerjasama bersama UNSDSN-Asia
*Collaboration Dialogue with UNSDSN-Asia*

144





APPGM-SDG telah dijemput untuk meneroka potensi kerjasama dengan UN Sustainable Development Solutions Network Asia (UNSDSN-Asia). Prof Woo berkongsi projek fokus Malaysia berkaitan pemantauan kemajuan SDG, tadbir urus, dinamisme ekonomi dan kesaksamaan. Di peringkat serantau, beliau membentangkan inisiatif seperti ASEAN Green Future, Science Panel for Borneo, dan Mission 4.7 berkenaan pendidikan pembangunan mampan. Sesi ini menekankan kepentingan tadbir urus ekonomi global yang adil dalam menghadapi perubahan iklim, dengan keseimbangan antara kemakmuran, keadilan sosial, perlindungan biodiversiti dan kerjasama. Mr. Anthony turut membangkitkan dua cadangan kerjasama antara Pusat Alam Sekitar & Kelestarian APPGM-SDG dan SDSN, serta hala tuju Mission 4.7 bersama IPTA dan IPTS.

*APPGM-SDG joined a discussion to explore collaboration with the UN Sustainable Development Solutions Network Asia (UNSDSN-Asia). Prof Woo shared updates on Malaysia-focused projects covering SDG monitoring, administrative governance, economic dynamism, and equality. Regionally, he presented initiatives such as ASEAN Green Future, Science Panel for Borneo, and Mission 4.7 on sustainable development education in public schools. A key takeaway highlighted the urgency of forming coalitions amid climate and economic crises—balancing prosperity, social justice, biodiversity, and partnerships at the core of the SDGs. Mr. Anthony raised two important points: collaboration opportunities with APPGM-SDG's Centre for Environment & Sustainability, and the strategic direction of Mission 4.7 involving public and private universities.*

**10.4.2025**

## Penyertaan APPGM-SDG di Asia-Pacific Business Forum
*APPGM-SDG at Asia-Pacific Business Forum*

145





APPGM-SDG telah mengambil bahagian dalam Asia-Pacific Business Forum yang bertempat di Kuala Lumpur. Datuk Dr. Denison dan James Raj telah mewakili APPGM-SDG sebagai panelis di Asia-Pacific Business Forum di Kuala Lumpur. Mereka berkongsi tentang kisah impak dari lapangan serta peranan Ekonomi Solidariti Sosial (SSE) sebagai pemacu utama dalam mempercepatkan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di rantau ini.

*APPGM-SDG participated in the Asia-Pacific Business Forum held in Kuala Lumpur. Datuk Dr. Denison and James Raj represented APPGM-SDG as panelists at the Asia-Pacific Business Forum in Kuala Lumpur. They spoke on impact stories from the ground and highlighted the role of the Social Solidarity Economy (SSE) as a powerful vehicle to accelerate the achievement of the Sustainable Development Goals (SDGs).*

**14.4.2025**

## Lawatan Delegasi Republik Tajikistan ke APPGM-SDG
*Delegation Visit from the Republic of Tajikistan to APPGM-SDG*

146





APPGM-SDG telah menerima lawatan delegasi dari Kementerian Kewangan Republik Tajikistan yang diketuai oleh Timbalan Menteri, Tuan Sarvar Kurboniyon. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada kajian lawatan bagi memahami amalan terbaik dalam penyetempatan dan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia. Datuk Dr. Denison telah menyampaikan ucapan alu-aluan, diikuti pembentangan oleh para Pengarah APPGM-SDG mengenai pendekatan kami dalam penyetempatan SDG.

*APPGM-SDG welcomed a delegation from the Ministry of Finance of the Republic of Tajikistan, led by Deputy Minister Mr. Sarvar Kurboniyon. The visit was part of a study tour to learn about best practices in SDG localisation and implementation in Malaysia. Datuk Dr. Denison delivered the welcoming remarks, followed by presentations from APPGM-SDG directors on our localisation work.*

**16.4.2025**

## Jamuan Hari Raya KITA UKM
*KITA UKM Hari Raya Celebration*

147



Datuk Dr. Denison telah menghadiri Majlis Jamuan Hari Raya anjuran Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Kehadiran beliau memeriahkan sambutan yang penuh muhibah ini serta memperkukuh jalinan antara akademia dan pemegang taruh.

*Datuk Dr. Denison attended the Hari Raya gathering hosted by the Institute of Ethnic Studies (KITA), UKM. His presence added warmth to the festive celebration and reinforced the ties between academia and key stakeholders.*

**22.4.2025**

## Simposium UNU-IIGH & TWN – Tadbir Urus Kesihatan Global
*UNU-IIGH & TWN Symposium – Global Health Governance*

148




Debbie mewakili APPGM-SDG dalam simposium anjuran UNU-IIGH dan Third World Network bertajuk “Strengthening Global Health Governance”. Perbincangan menekankan keperluan mempertahankan kepentingan awam dalam menghadapi ketidaksamarataan dan pengaruh sektor swasta dalam sistem kesihatan global.

*Debbie represented APPGM-SDG at the UNU-IIGH and Third World Network symposium on “Strengthening Global Health Governance”. The discussion focused on defending public interest amid rising inequalities and private sector influence in health systems.*

**26.4.2025**

## SEA Healthcare and Pharma Conference 2025 (SEACARE 2025)
*SEA Healthcare and Pharma Conference 2025 (SEACARE 2025)*

149



Debbie telah menghadiri SEA Healthcare and Pharma Conference 2025 (SEACARE 2025) yang dianjurkan oleh National Cancer Society of Malaysia dengan kerjasama QUBE. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia.

*Debbie attended the SEA Healthcare and Pharma Conference 2025 (SEACARE 2025) jointly organised by the National Cancer Society of Malaysia and QUBE. The conference was officiated by YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Minister of Health Malaysia.*

**22.4.2025**

## Bengkel Keluarga Bahagia
*Happy Family Workshop*

150



Datuk Dr Denison Jayasooria dan Karuppiah telah menghadiri Bengkel Keluarga Bahagia di SJK Tamil Bagan Serai, Perak. Bengkel ini merupakan inisiatif Persatuan MYFamily Malaysia dengan sokongan APPGM-SDG dan dipandu oleh pakar kaunseling keluarga, En. K.A. Guna. Lebih 80 peserta yang terdiri daripada guru dan ibu bapa telah mengambil bahagian dalam sesi ini. Fokus utama bengkel adalah memperkukuh komunikasi keluarga dan menangani cabaran kekeluargaan secara empati dan berkesan.

*Datuk Dr Denison Jayasooria and Karuppiah attended the Happy Family Workshop held at SJK Tamil Bagan Serai, Perak. The workshop was organised by MYFamily Malaysia Association with the support of APPGM-SDG and guided by family counselling expert Mr K.A. Guna. More than 80 participants, including teachers and parents, joined the session. The workshop focused on strengthening family communication and addressing family challenges through empathy and practical approaches.*

# Tarikh Program

*Programme Dates*

1




## Sidang Kemuncak & Bengkel Malaysia-ASEAN Ejen Belia SDG
## *Malaysian-ASEAN Youth SDG Agent Summit & Workshop*

Tarikh: 8-11 Mei 2025
*Date: 8-11 May 2025*

Imbas untuk Tahu Lebih lanjut
*Scan to Know More*

2




## Forum ASEAN SDG-SSE 2025
## *ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

Tarikh: 22-23 Mei 2025
*Date: 22-23 May 2025*

Imbas untuk Tahu Lebih lanjut
*Scan to Know More*

3 Forum Rakyat ASEAN | *ASEAN People's Forum* **24 Mei 2025**

# Tarikh Lawatan Tapak & Pemetaan Isu

*Site Visit and Issue Mapping Date*

**April** | April

- **Jasin** 26-28 Apr 2025

**Mei** | May

- **Sabak Bernam** **9-11 Mei 2025**
- **Padang Rengas** **17-19 Mei 2025**
- **Kulim** **24-26 Mei 2025**
- **Teluk Intan** **16-18 Mei / 30 Mei - 1 Jun 2025**




| | | |
|---|---|---|
| **Penyelarasan Kawasan Parlimen** | **Pengurusan Projek** Mikro SDGs | Pembangunan **Kapasiti** |
| **Advokasi Dasar** Peringkat Parlimen | **Solusi Dasar** Peringkat Daerah | **Pemerkasaan** Belia |
| **Akademi MySDG** | **Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial** | **Pusat MySDG untuk Alam Sekitar & Kemampanan** |

**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**
**(PPM-023-14-07012020)**

A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

https://appgm-sdg.com/

**MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN**